

Dari Mithra - Zoroastrian ke Horus Mesir

DRSA

MEI 2009 RM5PPD

8 & 10



Bersama

DUM DUM TAK

pelempang hardcore punk !!

DRSA

Isu Bonggol (8 & 10) | Mei 2009
RM4 | drsa@rocketmail.com



Rangkaian Pengedaran atau Distribusi:

DRSA isu bonggol boleh didapati daripada pengedar di bawah. Saya masih mengharapkan bantuan daipada distro-distro lain. Kalau berminat, sila emel untuk dapatkan harga borong. Kalau setiap tempat mempunyai wakil jualan zine ini, kita boleh menghapuskan kos pengeposan, barangkali.

Convert (Yr Mind) Distro
Mohd Zamri Kassim
Goggles Marketing Sdn. Bhd.
346 Jalan Pudu
55100 Kuala Lumpur
www.myspace.com/cnvrt

Polisi Review

Saya tidak mengharapkan mana-mana pihak memberi percuma material mereka kepada saya untuk direview. Tetapi saya tidak menolak jika diberikan. Atau mungkin anda boleh memberi pinjam kepada saya secara bersemuka, bukan apa, saya malas nak pos balik. ? Dan saya akan hanya mereview apa yang saya ada sahaja. Kalau tiada bahan, bermakna tiada ruangan review. Atau mungkin pembaca boleh tolong review untuk saya bagi terus mengekalkan ruangan tersebut. Namun, kalau terlalu banyak review, saya akan mengehadkannya. Saya tidak mahu zine ini dipenuhi dengan review.

Sumbangan Penulisan

Saya menerima sebarang bentuk penulisan – kolum, artikel, laporan, maklumat, puisi moden, puisi klasik, pantun. Juga sebarang bentuk kerja seni – lukisan, kolaj atau apa saja. Dan penulisan itu pula tidak semestinya saya bersetuju dengannya. Mari kita raikan perbezaan dan sama-sama memurnikannya. Penulisan tersebut juga seharusnya sesuatu yang boleh dikongsi bersama, memberi ilmu/maklumat kepada pembaca. Lebih elok kiranya ia mampu menjana pemikiran. Wah, sungguh tinggi impiannya, kan? Apa-apa pun, hantarkan dulu penulisan anda. Biasanya saya akan menerimanya. Jarang sekali saya menolak. Tambahan pula saya amat memerlukan sumbangan daripada anda semua untuk memastikan zine ini terus kekal. Kalau tidak jawabnya 2 tahun sekali akan terbit, atau lebih lama lagi, atau tiada terus. Jika anda sayang zine ini, buka computer, taip sesuatu dan emelkan kepada saya.

Pembaca Prof

Seperti isu-isu yang terdahulu, zine ini tidak pernah mempunyai pembaca prof. Jadi, maafkan segala kesalahan ejaan dan tatabahasa. Tapi anda boleh komen tentang struktur, penyusunan ayat dan penggunaan perkataan yang tidak sesuai. Sangat dialu-alukan.



Credit: Hamzah - Artwork kulit depan; Kolumnis - Mat Inikah Hidup, Fazri; Ruangan DIY - Alm. Suraya; Temubual - Dum Dum Tak; Penulis - Raphael Nonsenso, Matyi, Nana, Fazri, Fida; Review - Kudin, Fazri

BERUBAH ATAU REBAH, KAH KAH KAH

Zine ini juga menceritakan tentang bagaimana mahu menubuhkan sebuah band. Dari mencari rakan 1 kepala, hinggalah ke merekod lagu. Terdapat juga artikel tentang permasalahan memuat turun lagu dalam internet yang mana ia menjadi kegilaan kepada penggemar muzik. Zine ini juga menemuramah kugiran Building Of The Heartbreaker Pyramid yang mana dijawap oleh saudara Kecit. Seperti di dalam isu-isu yang sebelum ini, isu ini juga menyentu pasal komuniti punk/hardcore. Seperti zine yang lain, zine ini juga mengulas bahan baca dan juga bahan bunyi dari dalam negeri hinggalah ke luar negeri. Anda boleh menghubungi azizi dengan melayari www.khairulazizi.blogspot.com atau azizi_grindcore@yahoo.com untuk mendapatkan zine ini atau anda ingin melontarkan sebarang pendapat mahupun kritikan. (K)



PUSHPAPURA | BETA DURJANA... | Alternative rock/psychedelic | RM15ppd
Cd ni aku order sendiri dengan gitaris band ini, Tarmimi. Aku memang minat dengan band ni sejak dari zaman album Prejudice is childish hingga la ke zaman compilasi mereka, The Issue yang mana kompilasi ini dimuatkan dengan band-band dari Dungun seperti Goodnight Goodies,NED dan lain-lain. Album kali ini ada juga dimuatkan lagu lama mereka seperti Masokis dan Cinta Korporat (keparat). Ep mereka kali ini sangat aku berpuas hati kerana dari segi sound yang cukup sedap dan lagu yang hebat. bagi aku, lagu-lagu mereka ini dapat dibandingkan dengan album Butterfingers yang terbaru, Kembali. kualiti sound dan hook lagu mereka hampir sempurna.Bagi mereka yang suka lagu seperti Butterfingers, Radiohead, Muse, jangan ragu untuk memiliki Ep Beta Durjana ini. contact : www.myspace.com/pushpapura (K)

DUM DUM TAK – HENTIKAN PENINDASAN CD | +/- RM 10 – RM12
Aku mula medengar nama band ini pada awal kemunculannya lagi iaitu sekitar 2007. Namun, aku tidak pernah berpeluang melihat mereka beraksi di depan mata setakat ini. Dan setelah mendengar cd ini,membuatkan aku rasa macam tak sabar-sabar nak lihat aksi mereka. Aku jatuh cinta dengan lagu-lagu mereka. Tanggapan pertama apabila aku mendengar cd ini – muziknya macam band punk rock Indonesia zaman-zaman kompilasi Free Style dahulu kala. Jarang (atau tiada?) band yang memainkan muzik sebegini di sini. Cd ini mengandungi 12 lagu yang pantas-pantas belaka, sekitar 1 minit lebih termasuk dua buah lagu cover iaitu Nyanyi Budaya Pembebasan (oleh Sanggar Satu Bumi, yang pernah menjadi soundtrack 10 Tahun Sebelum Merdeka) dan juga Internasionale (anthem bagi sosialis/komunis sedunia). Dimulai dengan luahan hati penuh amarah terhadap apa yang berlaku kepada masyarakat kini akibat kepincangan pentadbiran dan ekonomi, melalui lagu yang bertajuk Suara Kami. Seterusnya lagu Perangi Mereka, antara lagu yang paling catchy yang mengingatkan aku kepada lagu-lagu Defiance album No Future No Hope. Gitar solo dan cara nyanyiannya pula kuat memngingatkan aku kepada band-band punk rock Indonesia. Lirik lagu ini antara yang paling menarik dalam album ini. Lagu Demokrasi Tanpa ISA jadi lebih menarik dengan riffing gitar yang berkocok dan ditekup. Lagu Dunia pula dah macam bunyi old skool hardcore ala-ala Nostalgia. Antara lagu-lagu lain yang menarik ialah Anti-Nazi Simpati dan Hak Asasi Hipokrasi.Lirik-lirik dalam album ini semuanya straight forward dan tajuknya menggambarkan isinya. Banyak mengisahkan luahan hati terhadap apa yang berlaku di sekeliling dan dunia kini. Artwork covernya simple tetapi menarik. Cuma sleeve inlay je sedikit slack. Tulisannya sangat kecik. Sukar nak dibaca. Kalau lagunya tak menarik, aku rasa ramai yang tak minat nak baca liriknya. Tapi menurut Nizang, ini terjadi kerana salah faham dengan pihak pencetak. Apa nak buat. Cd ini hasil usaha kerjasama 10 label. Cd ini juga amat sesuai dipasang tatkala nak pergi kerja kerana ia boleh menaikkan mood dan semangat, untuk menentang kebejatan di tempat kerja pula. Nizang, 49, Jalan Rahim Kajai, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur. dumdumtak@gmail.com (F)

CHANNEL X | COME AGAIN EP | RM12ppd | Old School Hardcore
CD ini aku dapat dari hasil pembelian aku dengan Aniq semasa aku berkolektif di Kg Sungai Ular. Band ini memang diakui hebat kerana mempunyai peminat-peminat yang ramai dan performence mereka sangat tight. Band ini agak lama menyepi, kini merka muncul kembali. Aku sudah tidak dengar berita dari band ini dalam masa yang agak lama. Dari aku semster 2 sampai la aku semester 6. Lagu mereka agak menarik. Seperti band-band old school hardcore yang lain, mereka masih mengekalkan mesej-mesej tentang kehidupan, semangat setiakawan dan perjuangan mereka.Packaging cd ini agak ringkas tapi masih menarik untuk aku membeli. Kepada die-hard-fan band ini, jangan lepaskan membeli cd ini sebelum stok masih ada. Contact : ww.myspace.com/channelxhc (K)

GULAT DI JAKARTA | PRAMOEDYA ANANTA TOER | 82 M/S | RM6

Ini bukanlah karya terbaik Pram, namun pengisian novel yang agak pendek ini masih mempunyai nilainya tersendiri. Masih memperkatakan tentang bumi manusia, dunia manusia – sesuatu yang memang amat sukar untuk difahami oleh manusia itu sendiri. Gulat Di Jakarta (bergelut di Jakarta) mengisahkan Sulaiman dan keluarga bergelut untuk meneruskan kehidupan. Dia 'dipaksa' oleh ayahnya untuk hidup berdikari setelah ayahnya tidak sanggup lagi menyara hidupnya dek kerana kemelaratan hidup, dengan pesan yang cukup mendalam dalam hidupnya – "Dunia ini diciptakan Tuhan untuk makhlukNya. Kerana itu anakku, perbuatlah sebaik-baiknya menurut pertimbangan akalmu bagaimana engkau dapat menyelamatkan hidupmu, agar tidak mengalami kegagalan seperti aku ini." Dengan itu, dia keluar merantau untuk memperbaiki hidupnya. Untungnya beliau tahu tulis-baca, yang mendorong kejayaannya. Dan manusia itu sendiri lantas timbul hasad dengki kerana kejayaannya. Namun, Sulaiman tidak menghiraukan itu semua, terus meneruskan kehidupan kerana yakin dengan pesan ayahnya. Sulaiman berkahwin dan berkeluarga, berjaya berbanding dengan masyarakat sekelilingnya, berkat kepercayaan yang diberikan kepadanya. Tiba zaman peperangan, Sulaiman dan keluarga terpaksa lari dan berhijrah ke Jakarta. Mereka terpaksa memulakan kehidupan sekali lagi. Dengan usaha dan tekun, dia cepat meraih kepercayaan tuannya sehingga akhirnya tuannya sendiri menyokong supaya dia pula yang menjadi tuan. Ternyata Sulaiman seorang tuan yang baik. Dengan pegangan hidupnya orang bawahannya menumpahkan taat setia, bukan sekadar pekerja-majikan, bahkan seperti sebuah keluarga. Yang bernama manusia itu sendiri, hidup mereka diduga dengan dendam kesumat oleh pihak luar. Goyah perusahaan dan keluarga mereka akibat dendam ini. Namun Sulaiman tetap berbuat baik menurut pertimbangan akalnya seperti pesan ayahnya. Sehingga menimbulkan dilemma dan pertentangan dengan kehendak keluarga. Akhiran yang menyayat hati. Isterinya meninggal dunia, dan kemudiannya dia sendiri pergi buat selama-lamanya. Dia tidak sempat melihat keinginannya menjadi kenyataan. Namun, dia telah kerjakan yang dianggapnya terbaik bagi persahabatan, keadilan kerja dan kerelaan – dan dia tak pernah merasa rugi. Novel yang sederhana, namun, nilai kemanusiaannya tinggi. (F)

MASKED READER #6 | DISEMBER 2008 |32 M/S | RM 2 + SETEM

Kelip pah, kelip pah, dah isu ke-6 zine ni. Tahniah kepada editor. Untuk kali ini Cuma cover luar dan dalam sahaja yang berwarna. Yang lain hitam putih. Maklumlah, zaman ekonomi meleset ni. Aku semakin menyukai zine ni. Semakin bertambah baik. Dari segi layout dan content. Banyak peningkatan, terutama isi kandungannya (bukan dari segi ketebalan, tapi dari segi kualiti). Kulit depan dan belakang menggambarkan seekor penyu sedang berenang. Biasalah, mamat Terengganu, dengan identiti penyunya. Kali ini tiada lagi cerita-cerita merapu-ikan kerapu. Semuanya berfaedah. Cuma yang aku perasan 2, 3 isu kebelakangan ni senantiasa ada gambar-gambar band awek/awek. Biasalah tu, naluri lelaki. Editornya pun dah nampak semakin bahagia sekarang. Terdapat interview dengan Mudin (soalan dan jawapan yang baik dan bernas, saya suka), dan The Renegades. Penerangan yang baik oleh editor berkenaan dengan DIY – sangat bagus. Aku tertarik dengan tulisan khasiat cengkih. Aku memang suka petua-petua ni. Sangat berguna. Oh, aku silap. Ingatkan gambar penyu pada kulit cuma hiasan semata-mata. Rupa-rupanya memang diceritakan dengan panjang lebar mengenai penyu di dalamnya. Tidak ketinggalan berita-berita kolektif. Juga sedikit puisi dan review. Isu kali ini masih lagi tidak distaple.Mudah menjadikannya bersepah-sepah. Ini sahaja bahagian yang aku tidak suka mengenai zine ini. Ya, zine ini memang berbaloi dengan duit yang diperolehi hasil kerja keras anda (your hard-earn penny – frasa yang sangat popular dalam review di zaman 90-an) Aniq : corerockmoon@gmail.com (F)

xLAST KISSx #1 | DIS 2008 | 36 M/S | Harga tidak dinyatakan

Kalau tidak silap isu percubaan dulu dikeluarkan pada separuh kedua 2008, dan pada bulan 12 lalu isu pertama ini keluar. Ini satu jangka masa yang boleh dikatakan agak singkat. Bagus! Biasanya begitulah, 2-3 isu pertama memang mengambil masa yang tidak lama untuk dikeluarkan. Kemudian semakin lama, semakin lama (ini lebih kepada mengata diri sendiri sebenarnya). Rasanya tidak banyak perubahan antara isu percubaan dan yang pertama ini. Mungkin editornya lebih suka dalam keadaan sebegitu rupa. Agak ringkas. Dimulakan dengan laporan kronologi pengusiran dan perobohan rumah di Kampung Baru Plentong Tengah, Johor, seterusnya laporan gig Mobsterfest5. Mengandungi interview dengan Falling In Hate (Hc/punk Indonesia), North Attact South (thrash dari Ranau) dan Dine In Hell (hc Itali). Ketiga-tiganya dijawab dengan ringkas. Dine In Hell mengatakan halangan bahasa menyebabkan mereka tidak dapat menjawab dengan baik walaupun aku nampak ada point yang cuba disampaikan. North Attack South dan Falling In Hate masalah apa pula? Sehingga ada satu tulisan oleh kawan editor meluahkan masalah editor yang bagaikan menunggu buah yang tak akan gugur. Masalah ini juga terjadi kepada DRSA di awal kemunculan dulu. Masalah juga bila kita cuba mempromosi mereka tetapi tidak mendapat kerjasama sepenuhnya. Kalau padi katakana padi, tidak kita tertampi-tampi. Kalau sudi katakana sudi, tidak kita ternanti-nanti. Maka sedikit tips dari aku – interview mereka yang kita betul-betul kenal/kawan. Itu lebih senang. Atau interview editor zine sebab sebagai editor seharusnya dia dapat menulis dengan baik. Juga terdapat beberapa penulisan dan sedikit review. Perlu ke diberitahu bahawa zine ini diedit oleh seorang wanita? Alamak! Dah terbagitahu. Aidah Rasili, PO Box 165, 89308 Ranau, Sabah. www.myspace.com/xdare2hopex (F)

BEBAL ZINE #5 | RM3

Zine ni aku dapat free dari Zeezam. Sebab aku banyak beli botton dengan die. Zine ni ditulis oleh Azizi grindcore. Zine ni banyak mengenai kehidupan penulis. Zine ini juga mengetengahkan pendapat-pendapat tuan punya zine dan beberapa penulis luar.

Dok Rok Skepeng Abok 18

... Seulas Pinang

Isu 8 siap sepenuhnya pada Mei 2008 - bertepatan dengan *dateline* zine Omnibus yang sepatutnya keluar sekitar waktu tersebut. Namun, sehingga kini tidak keluar-keluar. Pada mulanya saya ingatkan nak hilangkan terus isu ke 8 ini. Akan tetapi rasa rugi pulak, macam tak berbaloi penat lelah. Maka, pada fikiran kedua, saya mengambil keputusan untuk menarik diri dari projek omnibus dan terbitkan isu 8 tersebut di sini bersama-sama isu ke-10 sebagai *bumper issue* atau bahasa kampungnya isu bonggol. Oleh itu, harap dimaafkan jika ada isi-isinya yang dirasakan lapuk.





Pada isu ke-sembilan yang lepas, seperti yang dijangka, artikel berkenaan dengan freemasonry atau iluminati menjadi perhatian rata-rata pembaca. Maka, untuk menjaga sensitiviti pembaca-pembaca tersebut, saya muatkan keseluruhan baki artikel itu pada isu ke-sepuluh ini walaupun sebenarnya ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian lagi kerana kepanjangannya.

Untuk isu ke-sepuluh ini juga aku berjaya menemuramah sebuah band punk rock yang menjadi sebutan dan siulan, yang menjadi kegilaan pada masa kini. Harap pembaca mendapat sesuatu daripadanya.

Saya rasa banyak yang boleh dibaca untuk isu ini. Maklumlah, isu bonggol,ttebal sikit. Dan sememangnya ada beberapa isu yang saya cuba ketengahkan. Silalah manfaatkan. Ambil mana yang baik, buang mana yang tidak betul. Itu sahaja untuk kali ini.Rajin-rajinlah berkomunikasi.

Selamat Hari Pekerja

Kaum pekerja bergerak bersama | Menuntut keadilan untuk kita semua | Katakan yang lantang, menolak ditindas | Sudah waktunya untuk tak tinggal diam | Para pemodal tertawa gembira di atas genangan darah kaum pekerja | Mari semua bergerak bersama untuk melawan penindasan | Tunduk di tindas, diam ditindas | Tunduk dan diam atau bangkit melawan | Hidup pekerja!Hidup pekerja! Mulialah wahai kaum pekerja | Kaum pekerja berhati mulia sebab keringatnya untuk kita semua | Mari semua bergerak bersama untuk membebaskan kaum pekerja

[AntiMilitary/Marjinal]

Kerana tangan manusia alam tergadai, bumi musnah - part 2



Salam sejahtera untuk semua pembaca zine DRSA. Untuk makluman semua, ini adalah sambungan cerita dalam issue sebelum ini.

Pencerebohan tanah masih lagi berlaku, segala aktiviti mengorek pasir dan penebangan pokok balak masih bergerak aktif walaupun laporan telah dibuat kepada pejabat tanah dan polis dan aku rasakan pihak yang berkenaan ini tidak langsung menjalankan tugas mereka ataupun mereka juga ada menerima sedikit habuan dari segala aktiviti ini. Bila laporan dibuat, mereka terima dan datang membuat tinjuan, seminggu aktiviti ini berhenti. Sekitar jadi sepi seketika tanpa bunyi mesin dan jentera-jentera tapi bila tiba minggu depan semuanya kembali beroperasi dan cuba kita semua fikir adakah berlakunya korupsi di sini? Dan aku rasakan ya. Kalau betul-betul tindakan diambil mesti aktiviti ini tidak lagi beroperasi. Kerajaan menekankan amalan rasuah salah tapi apa yang berlaku di sini orang-orang kerajaan sendiri men gamalkannya. Entahlah...

Pada tanggal 8 Mac 2009 Sultan Azlan Shah iaitu raja negeri Perak telah turun padang melihat sendiri pencerobohan tanah yang telah dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab itu.

Dua minggu sebelum kedatangan sultan, segala aktiviti tadi berhenti beroperasi. Semuanya seperti tidak ada apa yang berlaku. Yang aku hairankan bagaimana mereka boleh tahu yang sultan akan datang membuat tinjuan. Mesti ada orang dalam yang terlibat sama dengan aktiviti ini. Mengapa ini berlaku? Kenapa ini berlaku? Jawapannya ialah kerana sekeping kertas yang bernilai. Disebabkannya mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuk merosakkan alam sekitar. Aku amat kesiankan semua makluk tuhan yang tinggal di dalam hutan. Ke mana hidup mereka selepas ini kerana semua ekosistem mereka dimusnakan oleh manusia. Bagaimana populasi mereka nak meningkat kalau sumber makanan dan tempat tinggal sudah lenyap menjadi padang jarak padang terkukur.

Renung-renungkan lah.

Sekarang aku tengok aktiviti ini telah pun dihentikan segala operasinya. Semua jentera-jentera sudah diangkut pulang. Mungkin sultan murka dengan kegiatan mereka ini dan aku harap tindakan tegas diambil kepada mereka yang menjalankan kegiatan ini serta pihak yang terlibat menerima habuan dari hasil kegiatan ini. Terima kasih kepada Sultan Azlan Shah kerana peka dan prihatin terhadap masalah rakyat dan alam semulajadi ini.

Jadi aku harap semua manusia di dunia ini jaga dan peliharalah alam sekitar. Jangan rosakkannya kerana masih ramai lagi anak-anak kecil yang sedang membesar di luar sana memerlukanya. Tanpa alam semulajadi musnahlah bumi, musnahlah juga kita.



Warna

Kalau ditanya apa warna kegemaran aku, memang susah aku nak jawab. Tidak ada satu warna yang aku betul-betul suka. Maksud aku satu warna yang boleh buat aku obsess terhadapnya. Macam orang rumah aku, semua benda bila warna ungu (atau biru stor kata orang Terengganu) je dia nampak lawa dan berkenan. Tapi tidak ada satu warna yang boleh buat aku rasa macam itu. Sebab pada aku sesuatu benda tu lebih cantik warna merah, dan benda lain pula lebih cantik warna hijau, ada pula cantik dengan warna biru. Bergantung pada benda apa yang dilihat. Tapi, kalau nak dikira dari segi baju la, bila dibuka almari, lebih banyak warna biru berbanding warna lain. Tapi hijau pun aku suka, merah pun aku suka. Tapi tak pulak banyak baju-baju aku warna tu. Entahla. Susah jugak bercakap pasal warna kegemaran ni.

Masa aku kecil-kecil dulu, aku hidup dalam suasana kekampungan yang betul-betul kampung. Dengan sawah padi, lembu kerbau, berkubang menangguk ikan puyu/haruan dan macam-macam lagi. Apakala berlari-lari cakting-cakting merentasi sawah, memang biasa terserempak dengan kerbau di kiri atau kanan sawah. Suatu hari, aku memakai baju merah dan hendak pergi bermain di rumah kawan di seberang sawah sana. Malangnya aku telah disekat oleh abangku seraya berkata "berani mung nok gi dinung, pakai baju meroh". Aku tanya kenapa. Emakku yang kebetulan juga berada di situ tolong jawab "Bahaya pakai baju merah kalau nak melalui sawah. Nanti dikejar kerbau". Macam tu pulak! Aku tak puas hati. Kenapa kalau pakai baju



MEMOIR SHAMSIAH FAKEH – DARI AWAS KE REJIMEN KE-10 | 142 M/S | RM30 kot

Shamsiah Fakeh menurut fakta sejarah kanan negara merupakan pemimpin AWAS yang berjuang menentang British namun akhirnya menjadi ahli PKM dan mengangkat senjata menentang kerajaan. Bahasa kasarnya – pengganas komunis. Beliau (Allayarhamah) antara anggota PKM yang paling lama diharamkan daripada pulang ke Malaysia – setelah apa yang telah dilakukan terhadap negara kita. Itu tertulis dalam sejarah kanan. Namun, bak kata Allayarhamah sendiri, sejarah ditulis oleh rakyat. Untungnya, wira-wira yang tidak didendangkan oleh pihak kanan dikurniakan bakat menulis, untuk menulis riwayat hidup sendiri, untuk mendedah dan menegakkan kebenaran. Memoir ini menceritakan dari mula kelahiran beliau sehingga kepulangan beliau ke tanah air. Bagaimana beliau seorang yang cintakan ilmu memperoleh kesedaran untuk hidup berdikari, hidup merdeheka. Itulah bezanya orang yang berilmu dan orang yang tidak berilmu. Fikirannya terbuka, menerima apa yang dipertimbangkan betul. Beliau sanggup meninggalkan keluarga untuk menuntut ilmu di Sumatera dan Bagan Serai. Semasa di perantauan inilah beliau mula tertarik dengan perjuangan menuntut kemerdekaan. Beliau mulanya menghadiri ceramah-ceramah PKMM di Perak dan mengikuti pertemuan UMNO di kampungnya, mesyuarat dan perbincangan PKMM. Seterusnya beliau menerima tawaran ke Kuala Lumpur untuk mengisi kekosongan jawatan Ketua Jabatan Wanita PKMM yang ditinggalkan oleh Aishah Ghani yang menyertai UMNO. Kemudian Jabatan Wanita ini ditukar kepada AWAS. Maka dari sini beliau mula bergerak aktif dalam politik Tanah Melayu, dengan matlamat memerdekakan tanah air. Semasa situasi politik tegang pada pertengahan 1948, Shamsiah dan kawan-kawan telah berundur ke Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang untuk mengelak daripada ditangkap, di mana kampung ini telah disusun dengan baik oleh PKMM. Mereka hidup bergerila di situ. Di sini jugalah Shamsiah menyertai PKM yang pada masa itu belum diharamkan. 20 Jun 1948, hari hitam dalam sejarah tanah air – darurat diisytiharkan. Beribu-ribu pejuang telah ditangkap, namun tidak seorang pun anggota UMNO ditangkap. Memetik kata-kata Shamsiah, "Cubalah kita fikirkan kenapa halnya jadi begitu? Sudah nyata bahawa UMNO adalah pro-penjajah dan bekerjasama dengan penjajah menindas golongan kiri." Sejak peristiwa itu, ramai yang masuk hutan. Cerita PKMM, darurat sehinggalah Rejimen ke-10 berundur ke sempadan Thailand tidak banyak berbeza daripada apa yang diceritakan Kamaruzzaman Teh, Suriani Abdullah, Abdullah C.D. dan lain-lainnya. Faktanya konsisten. Sesuatu yang baharu bagi aku ialah tentang Barisan 33 Pemuda UMNO yang dirancang, yang mirip dengan PKM. Anda kena baca bahagian ini. Serta bagaimana Shamsiah dan Ibrahim Mohamad dihantar mendalami idealogi komunis di China dan meneruskan perjuangan dari sana. Oleh kerana peredaran masa, PKM mengalami perubahan dan pergolakan sehingga Shamsiah dan Ibrahim dipecat. Mereka dibenarkan kembali ke Malaysia oleh kerajaan pada 1994. (F)



MOSH #11 | NOVEMBER 2008 | 40 M/S | RM4PPD

Mosh dah sepuluh tahun, 11 keluaran. Tahniah! Harap terus berada di persada arena. Isu kali ni dah macam Innerview Zine – interview oriented zine. Terlalu banyak interview – bersama Rebel for X, Love As Arson, Half-Asleep, The Tunelari, The Liberals, Yogyakarta, dan Straw 'O. Kalau dulu masa awal-awal aku buat zine, cukup susah untuk dapatkan balasan interview. Hatta sekarang pun keadaannya masih begitu. Penat-penat kita duk perah otak untuk buat soalan, tetapi akhirnya tiada balasan. Memang mengecewakan. Tu yang aku malas nak buat interview, sampaikan ada isu DRSA yang tak ada sebarang interview. Padan muka. Tapi Nizang ni mudah pulak bagi dia. Mungkin aku patut interview kawan-kawan je. Tu pun ada juga yang tak balas. Apa nak buat. Interview yang dibuat Nizang ni tak begitu mendalam. Pun begitu ada juga soalan yang menarik dan jawapan yang juga menarik. Pada awal zine, terdapat coretan Nizang terhadap pelbagai hal sebanyak 3 muka surat. 5 lirik lagu Scolastic Deth. Memang menarik lirik-lirik ni. Inspiring! Selebihnya adalah review zine dan muzik. Layout sempoi. Maklumlah, pensyarah seni. Ahmad Nizamuddin, 49, Jalan Rahim Kajai, Taman Tun Dr.Ismail, 60000 Kuala Lumpur. nizangmosh@gmail.com (F)

DEAD MEMORIES #1 | DIS 2008 | 40 M/S | RM3

Kemaman kini mempunyai 4 zine. Ini yang terbaru, dipunyai oleh Cho. Dicetak warna-warni dari kulit ke isi dalam. Mempunyai artikel tentang sejarah dan perjuangan punk – sesuatu yang biasa didapati di dalam isu pertama sebuah fanzine. Juga ada cerita mengenai kaedah psikologi dan kaunseling dalam keluarga, sindrom down, serta cerita panjang lebar tentang band metal tersohor tanah air – Rator. Ditengah-tengah zine ada diselitkan sebuah poster bertajuk 'Tahun Baru, Penjajahan Baru'. Interview yang baik dengan 24 Caliberletter dan Masked Reader zine. Diikuti dengan laporan panjang lebar mengenai gig yang dianjurkan oleh HFC di Little Bali, Cherating, pada Disember lepas. Ditutup dengan ulasan audio dan zine. Keseluruhannya, ini satu usaha yang baik dari editor. Diharapkan usaha tersebut tidak patah ditengah jalan. Masih banyak ruang-ruang yang boleh diperbaiki dan dipertingkatkan. Mohd, Kazziman bin Zulkefli, 8, Lorong Ketapang 6, Taman Desa Darul Iman 3, Bukit Kuang, 24000 Kemaman, Terenganu. (F)



DI MANA BUMI DIPIJAK - Sejarah Rakyat Malaya [Musimgrafik]
Buku ini adalah terjemahan daripada buku "Where Monsoons Meet - The People's History of Malaya" yang diterbit dalam Bahasa Melayu oleh INSAN pada 1987. Namun, oleh kerana rasa pentingnya isi buku ini terus diketahui oleh generasi baru, maka terbitan kedua telah dibuat oleh SIRD pada 2007. Buku ini dihasilkan oleh para pelajar semasa kemuncak gelombang aktivisme pelajar di Malaysia dan Singapura pada pertengahan 1970-an. Perspektif buku ini agak berbeza dengan buku-buku teks konvensional. Inilah sejarah komik yang bukan jenaka. Pengkisahannya digambarkan dengan jelas oleh lukisan dan dialog. Inilah buku teks grafik. Sejarah dimulakan sebelum kerajaan Melaka sehingga kita merdeka (1957). Namun, perspektif yang agak berlainan (tidak hanya politik-pemerintahan) serta pengkisahan peristiwa-peristiwa tertentu menjadikannya teks sejarah yang tidak piawai yang mesti dibaca oleh setiap orang. Nak tahu lebih lanjut, baca sendiri. Ya, ya.. sedikit contoh, 59% daripada hasil ekonomi dulu adalah daripada penjualan candu serta mogok besar pada 1947. Rasanya buku ini boleh didapati daripada kebanyakan kedai buku. RM18 sangat berbaloi!





LUKA RAKYAT Azizi Hj Abdullah [TERAS] RM10
Saya kira ini sebuah karya nadir [baca: *rare*] walaupun diterbitkan pada 2003. Mungkin pada awal penerbitannya boleh didapati di mana-mana kedai buku, namun kini telah menjadi nadir dan sukar didapati.Membaca buku ini seolah-olah mendengar penulisnya bercerita. Gaya bahasanya sangat mudah dan menarik minat untuk saya membacanya terus sehingga habis. Membaca Luka Rakyat seolah-olah mendengar lagu-lagu Marjinal - Negri Ngeri, Hukum Rimba, Rakyat Biasa, Globalisasi, Bener-bener Rumah Sakit, Suara Reality dan Rakyat Biasa. Itulah yang cuba didedahkan oleh penulis. Beliau cuba menelanjangkan realiti sosial yang semakin tempang, yang sengaja dikekalkan oleh mereka untuk mengaut keuntungan daripada ketempangan pihak yang lemah. Beliau membongkar realiti di kota dan ceruk desa. Karya ini menjadi penyuntik kesedaran. Rakyat di segenap lapisan harus membaca buku ini dan sedar dengan apa yang telah dan sedang berlaku. Rakyat perlu celik, perlu berani dan perlu yakin. Kalau anda mempunyai sensitiviti, anda akan rasa hendak memulakan revolusi setelah membaca buku ini dan menunjukkan rakyatlah yang berkuasa!



AKU MELAWAN TERORIS - Imam Samudra [Jazeera] RM35.80
Amerika dan sekutunya mengecop Imam Samudra sebagai teroris. Namun, Imam yang cuba melawan Amerika dan konco-konconya pula berkata "aku melawan teroris". Ya, ya.. tentu ramai yang tidak bersetuju dengan tindakan beliau. Tapi tak salah kalau kita baca buku ini. Setuju atau tidak dengan hujah penulis, ya itu terserah. Saya lebih menikmati kehidupan zaman bocah [baca: kanak-kanak] sehingga remaja beliau. Juga gaya bahasanya yang indah. Ya, buku ini dimulai dengan pengkisahan biografi untuk mengenal peribadi beliau yang cuma terkandung pada muka surat 19 hingga 54. Kemudian diteruskan dengan pemahaman beliau tentang Islam, keyakinan dan pegangannya yang teguh, hujah-hujah beliau sehingga terhambur "aku melawan teroris" dari mulutnya (hujahnya masuk akal juga). Diakhiri dengan riwayatnya semasa di penjara sementara menunggu hukuman yang akan dijatuhkan padanya. Oh ya, bagi sesiapa yang lupa, Imam Samudra adalah salah seorang pengebom di Bali pada12 Oktober 2002 (simbolik tarikhnya). Dapat secuil daripada isi buku ini pun sudah memadai.

merah, kerbau kejar. Kalau baju warna lain tak pulak. Kata mereka kerbau memang sensitif dengan warna merah. Kerbau ni akan kejar orang yang pakai pakaian merah, tak kira lah baju ke, kain ke. Ini buffalo soldier. Bukan sebarang kerbau. (bahagian ni aku tokok tambah sendiri le ?). Sebenarnya kerbau-kerbau ini akan teringatkan darah anaknya yang mati disembelih. Oleh kerana sedih bercampur marah, itu sebab dia akan kejar sesiapa sahaja yang berpakaian merah. Yelah, aku masa tu pun kecil lagi. Dah orang tua cakap macam tu, aku pun terima jelah. Bukannya pandai nak counter balik apa yang mereka cakap. Sekarang ni aku anggap itu sebagai satu mitos. Tapi sampai sekarang aku tak faham kenapa boleh timbul mitos macam tu. Kalau orang tua tak bagi duduk atas bantal, nanti bisul – itu boleh dimengertikan takut bantal tu pecah. Zaman dulu nak dapat satu bantal pun susah. Tapi yang ini, aku tak tahu apa kaitan sebenar merah dengan kerbau. Jadi, jangan main-main dengan warna. Ada juga warna yang boleh menakutkan orang. Menakutkan budak-budak bolehlah ye.

Hakikatnya, bukan budak-budak sahaja yang boleh dimomok-momokkan dengan warna. Tak sangka pula orang tua atau dewasa pun takut juga pada warna. Tambah tak disangka apabila difikir-fikir orang yang takut pada warna ini adalah orang yang begitu gah hidupnya, yang segala-galanya ada di tangan, yang boleh mengubah keadaan sekeliling. Ini cerita di Malaysia. Bukan di Amerika sana, atau Eropah atau timur tengah. Di sini, ada satu warna yang mereka sangat takut. Fobia barangkali.

Petronas (Petroliam Nasional Berhad) adalah sebuah syarikat milik kerajaan yang saban tahun mengaut keuntungun berlambak-lambak. Bercakap mengenai keuntungan Petronas – ia adalah isu sensitif. Manakan tidak, pekerja-pekerjanya terutamanya di peringkat pengurusan mendapat bonus tahunan sehingga lima bulan gaji. Hasil bumi rakyat yang bertambun-tambun itu setelah diagihkan kepada para pekerja, entah ke mana disalurkan. Apa yang rakyat dapat? Dapat tengok pelantar je lah. Harga minyak tidak juga turun. Malah semakin meningkat. Ada ke patut di buat perbandingan harga minyak kita dengan negara bukan pengeluar minyak. Mereka ni bukan tak belajar ekonomi, tapi cuba untuk memperbodohkan rakyat. Baiklah, cukup di situ. Bukan itu yang hendak dibincangkan di sini.

PETRONAS

ayien
2009

Saya pasti pembaca amat kenal betul dengan logo Petronas. Tetapi mungkin ada yang tidak perasan dengan sedikit perubahan pada logo tersebut. Cuba bandingkan logo Petronas sekarang dengan logo pada awal tahun 90-an ke bawah. Logo Petronas kini: bingkai dan bulat di tengah berwarna hijau pudar. Manakala logo Petronas dulu: bulat di tengahnya berwarna putih dan hijau di sekelilingnya adalah hijau gelap. Eh, mana boleh macam tu! Setiap kali terpandang logo Petronas ni je orang akan terbayangkan bendera satu parti politik di Malaysia ni. Ini bahaya. Ini satu promosi atau publisiti percuma kepada parti tersebut. Ini tak boleh jadi. Nanti fikiran rakyat terarah kepada parti tersebut. Kerana mereka sangat tahu bahawa pembohongan pun jika sentiasa diperkatakan yang ia adalah benar, lambat laun rakyat akan percaya juga. Mereka sangat sedar akan hal ini. Maka, kecohlah Dewan Parlimen yang mulia sehingga melarat ke dada-dada akhbar memperkatakan hal ini. Akhirnya, logo Petronas jadilah seperti yang ada pada hari ini.

Hal ini tidak berhenti setakat itu. Fobia terhadap warna hijau ini, atau kalau boleh saya istilahkan sebagai colorphobia atau greenphobia berterusan. Semua logo atau lambang atau bendera pihak yang mereka kuasai kalau boleh tidak boleh berwarna hijau. Perkara ini terjadi pula kepada Bank Islam. Suratan atau kebetulan, parti politik "hijau" ini juga memperjuangkan Islam. Walaupun warna rasmi asal Bank Islam ini adalah hijau pudar, tidak sama hijaunya dengan parti yang satu itu, ia tetap ditukar kepada warna biru. Warna biru? Tidak cukup dengan biru, akhirnya bank itu keluar dengan logo baru dengan warna korporatnya merah... merah apa ye macam tu (tak pandai nak klasifikasi merah tu). Haa.. mereka memang suka warna merah. Kenapa ye? Tak percaya? Terkini, Bank Pertanian yang juga asalnya warna hijau ditukar juga kepada warna merah dengan nama Agro Bank. Sekali lagi, ini suratan atau kebetulan? Nampaknya takut benar mereka dengan warna hijau, dan nak sangat dengan warna merah.

[drsa@rocketmail.com]

Bank Islam
(No: 9812?-X)

dulu dan sekarang

BANK ISLAM

PETRONAS – Membangun Bersama Negara

Ketika PETRONAS ditubuhkan pada tahun 1974, ianya diamanahkan dengan hak milik dan tanggungjawab membangunkan sumber minyak dan gas negara agar ianya membawa **manfaat yang sebesar mungkin kepada rakyat dan negara.**

Sumber: keluaran khas Berita Harian, 30 Ogos 2007

Ucapan Pojok

Suraya - seorang sahabat yang disenangi, telah kembali ke rahmatullah pada 15 Mac 2009 akibat kemalangan jalanraya. Karya di sebelah adalah sumbangan terakhir beliau untuk DRSA. Semoga rohnya dicucuri rahmat.

Al-Faatihah

[D]ibuat [I]ndividu dengan [Y]akin

oleh: Cik Suraya
[Allahyarhamah]



Bahan-bahannya ialah :-

Sebiji telur (ambil putihnya aja, kuningnya bulehla digoreng, dimakan dan sebagainya),
Sebiji mangkuk,
Air mengikut keperluan,
Tuala.

Cara-caranya ialah:

Lepas cuci muka bersih-bersih, letak putih telur kat muka, sapu rata-rata.
Biarkan kering sampai muka rasa tegang.
Kemudian cuci balik bersih-bersih.
Rasailah kelembutan dan ketegangan kulit muka anda...
Buatlah seminggu sekali ke, 2 kali seminggu kalau rajin..
Pokoknya perlu rajin ye anak-anak.
Perlu dimulakan saat umur memasuki alam baligh.
Kalau malas semua benda tak menjadi.
Nampak aja mudah tapi hasilnya? Lihatlah Maya Karin..
Cuma perlukan sebiji telur yang harganya 50 sen sebiji (eh, 50 sen ke Fazri harga sebiji telur?
Jimat kan?

Kesusasteraan Inggeris dan kini menjadi penterjemah buku, walaupun mereka semua masih tetap makan budu. Dengan itu, beliau menegaskan PPSMI adalah perlu sebagai satu wadah untuk survival.

Sepuluh tahun yang lalu, mungkin saya sependapat dengan Dr Kampung. Saya percaya kepada kebolehan saya. Saya mampu belajar apa sahaja, buat apa sahaja, berilah gajah, rimau pun. Apabila saya mampu, saya juga mengharapkan orang lain mampu macam saya. Maka, apabila saya dapati ramai yang gagal dalam pelajaran, ia tidak lain dan tidak bukan adalah kerana mereka malas nak berusaha, malas nak belajar bersungguh-sungguh. Kata kuncinya adalah malas. Itu pandangan saya semasa mula-mula saya menamatkan pengajian.

Kini, setelah enam tahun menghambakan diri, cuba menyampaikan ilmu kepada masyarakat, ternyata pandangan saya di atas sangat tidak betul. Tidak semua orang sama macam saya, tidak semua orang sama macam Dr. Kampung, tidak semua orang sama macam Borhan. Kita kena akui bahawa tahap kognitif manusia berbeza-beza. Ada yang cepat belajar, ada yang merangkak-rangkak, ada yang mengensot-engsot, walaupun sudah berusaha bersungguh-sungguh. Saya pernah ada seorang pelajar yang rajin; rajin datang sekolah, rajin belajar, rajin buat latihan, rajin datang ke kelas tambahan dan tak pernah ponteng. Ia macam tidak ada masalah bila belajar bersama-sama. Namun, tidak pernah lulus dalam peperiksaan, hatta saya 'terpaksa meluluskannya' dalam peperiksaan percubaan SPM untuk menaikkan semangatnya. Itu bagi subjek yang saya ajar – Prinsip Perakaunan. Begitu juga dengan subjek yang majoriti pelajar mengakui sukar – Matematik; pun dia cuma lulus sekali sepanjang tingkatan 5. Saya yakin ramai lagi pelajar yang senasib dengan pelajar saya tadi. Kita tidak boleh membuat kesimpulan dengan hanya melihat kepada pelajar-pelajar di sekolah terpilih atau pelajar-pelajar di kelas hadapan sahaja. Kita tidak patut mengabaikan pelajar-pelajar di kelas tercorot. Mereka juga berhak untuk mendapatkan ilmu, selaras dengan dasar pendidikan negara yang 'berhasrat' memberi keadilan dalam menyampaikan ilmu. Matematik adalah salah satu subjek penting dalam kita meneruskan kelangsungan hidup. Bagaimana jika golongan yang lemah ini tidak mendapat ilmu tersebut dek kerana tidak memahami bahasa yang diajar? Sudah tentu hidup mereka akan mudah ditipu, ditindas dan 'digula-gulakan' oleh orang lain – sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku!

Matematik adalah satu subjek yang susah bagi kebanyakan pelajar. Belajar dalam bahasa ibunda pun ramai yang tidak dapat menguasainya dengan baik. Inikan pula belajar dalam bahasa 'asing' terutama bagi pelajar sekolah rendah. Hendak menguasai bahasa satu hal, hendak menguasai ilmu satu hal. Tidakkah itu menyusahkan, membebankan? Sesuatu yang susah sepatutnya dipermudahkan, bukannya lagi menyusahkan. Saya pernah mengajar Matematik tingkatan satu (kelas corot) selama tiga tahun (ya, saya menerima elaun PPSMI – tetapi bak kata seorang pengetua apabila ada pihak mengugut untuk menarik balik elaun jika gagal mengajar dengan baik, "cikgu-cikgu tak bangsat dengan elaun tersebut, bukan cikgu yang mintak pun"). Dan kelas tersebut terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Pelajar Melayu memang susah hendak faham dan tangkap apa yang diajar walaupun kebanyakan topik telah diajar di sekolah rendah, tidak kira sama ada diajar dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Pelajar Cina yang terkenal dengan ketangkasan mengira sememangnya pandai mengira, namun tidak faham dengan baik apa yang dituturkan oleh guru baik dalam bahasa Melayu ataupun Inggeris. Ini kerana mereka belajar dalam bahasa ibunda semasa di sekolah rendah. Maka, bahasa memang menjadi penghalang, melainkan diajar dalam bahasa ibunda. Kalau tidak, pelajar-pelajar ini akan terus terpinggir, termarjinalkan.

Yang penting di sini adalah ilmu. Dan bagaimana ilmu tersebut mudah diterima dan sampai kepada pelajar. Cara yang mudah ada, kenapa hendak disusahkan? Jalan yang dekat ada, kenapa mesti melalui jalan yang jauh. Kita takut dalam tempoh enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah, pelajar tidak mendapat ilmu yang hendak diajar, walaupun bahasa Inggeris mereka bertambah baik. Hey, cuba fikir! Kalau kita belajar Matematik, kita nak pandai Matematik ke nak pandai bahasa Inggeris? Kalau nak pandai bahasa Inggeris, belajarlah Bahasa Inggeris, bukannya belajar Matematik. Ya, mungkin ada yang menjawab, nak pandai kedua-duanya. Maka, perlu diingat bukan semua pelajar mempunyai tahap kepintaran yang sama. Berapa kerat sangat yang dapat kedua-duanya dengan baik? Dan perlu juga diingat, apabila sesuatu dasar digubal, ia merangkumi semua pelajar, tidak kira pintar, lembab, lembam dan sebagainya.

Saya tidak menentang bahasa Inggeris. Mereka yang menentang PPSMI bukannya menentang bahasa Inggeris. Dan kami semua mengakui kepentingan bahasa tersebut. Tetapi, pada saya apa yang penting adalah ilmu yang hendak disampaikan. Kalau nak pelajar pandai bahasa Inggeris, ajarlah Bahasa Inggeris dengan baik, perkasakannya, murnikan kaedah pengajaran dan lahirkan lebih ramai tenaga pengajar yang mahir mengajar Bahasa Inggeris dalam pelbagai kaedah supaya pelajar mudah menguasainya. Bukannya dengan mencampuradukkannya dengan ilmu lain.

Kesimpulannya – lu pikirlah sendiri!

Beautiful Liar #2 by Kasih Sayang (it's all about PPSMI)

Beautiful liar
Higher grade, better achievement
So many got A's every year
Don't you see?

The QC failed
The products are stinks
What importance
the programmed keep running

What happens tomorrow
I don't care
Teachers got lap top
I got rich

Malaysia, Kumpulan Media Indipenden, wakil PKR, PAS, MCA, dan Gerakan. Penghujung tahun lepas (2008), isu PPSMI ini kembali menjadi buah mulut rakyat. Setelah beberapa persidangan meja bulat dibuat, yang katanya dihadiri oleh pelbagai wakil telah menghasilkan 7 resolusi. Malangnya ketujuh-tujuh resolusi tersebut, menggambarkan bahawa PPSMI akan diteruskan, sedangkan menurut Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) majoriti ahli persidangan menyatakan pendirian menolak pelaksanaan PPSMI. PENA, seperti juga DJZ tidak menentang usaha memperkasakan bahasa Inggeris. Namun katanya, penguasaan bahasa Inggeris pelajar boleh diperkasakan dengan memperkenalkan semua kelas peralihan dan sastera Inggeris dengan menjadikan pengucapan serta penulisan sebagai sebahagian daripada sukatan mata pelajaran.

Menurut Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) pula, PPSMI dan keputusan UPSR, PMR dan SPM bukan isunya. Isu paling dasar daripada kemelut PPSMI ialah bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi, sains dan teknologi, dan bahasa tamadun ilmu, dihancurkan, dimusnahkan secara sistematik. Sejarah membuktikan tidak ada tamadun besar dunia dan bangsa yang maju, memandaikan bangsanya dengan bahasa orang lain seperti dapat dilihat pada bangsa Inggeris, Arab, Perancis, China, Rusia, Jerman dan Sepanyol. "Renunglah sejarah dan ambillah iktibar. Lihat Filipina dan negara di Afrika jajahan British dan Perancis yang beratus tahun menggunakan bahasa orang lain untuk memandaikan bangsanya tetapi negaranya kekal dalam keadaan mundur dan miskin," jelas PLM.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pula berharap agar Kementerian Pelajaran tidak membelakangkan golongan kurang upaya (dari segi tahap kognitif/kemahiran berfikir) yang sama sekali tidak disentuh pada pembentangan analisis keputusan UPSR, dan persidangan khas itu perlu meletakkan fokus kepada nasib golongan kurang upaya dalam pelaksanaan PPSMI. Ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat peluang pendidikan yang adil dan saksama tanpa mengira lokasi, kaum,kelompok kurang upaya, Orang Asli dan suku minoriti lain seperti dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan. PKPIM berharap Kementerian Pelajaran mengambil berat cadangan ini agar maklumat yang bakal dibawa ke Jemaah Menteri adalah sahih, adil dan menyeluruh tanpa ada diskriminasi terhadap golongan tertentu dalam mendapatkan hak pendidikan.

GAPENA dipersoalkan kerana dikatakan lambat bertindak. Hatta ada yang menuduh GAPENA mempunyai agenda tersembunyi. Namun, banyak pihak berharap agar tindakan GAPENA yang ingin menyaman kerajaan tidak sekadar kenyataan media sahaja. Apa pun, bagi saya ia bak kata mat saleh, better late than never. Ada pula yang menyamakan keadaan ini seperti nasi sudah menjadi bubur. Dan saya tidak setuju sama sekali. Bubur memang tidak boleh dibaiki lagi supaya menjadi nasi. Namun, dasar ini memberi kesan jangka masa panjang. Jadi, amat wajar ia diundur balik. Masih belum terlambat berbanding kesannya akan sampai bila-bila sekiranya dasar ini diteruskan.



Dia (Semiramis) juga dipanggil Ishtar dan anaknya Thamuz (Anak kepada Baal). Dalam catatan Gilgamesh pun nama Ishtar ada, dialah yang nak mengorat Gilgamesh, tapi cintanya ditolak, (Sebab Gilgamesh cakap dia melayan pakwe-pakwe lamanya dengan buruk) dia pun pegi amik Bull of Heaven atau lembu syurga dari ayahnya Anunaki untuk merempuh Bandar Uruk, kerana balas dendam. Ishtar juga disamakan dengan Venus, dan Venus adalah nama lain bagi Lucifer, tapi itu cerita lain.

Dia juga dipanggil Isis di mesir dan suaminya Osiris dan anaknya Horus. Dikatakan, dalam satu pertempuran dengan Seth, dia telah buta satu matanya. Dan, lambang satu mata itulah menjadi lambang Osiris dan kemudian ditukarkan menjadi All Seing Eye oleh Freemason moden. Anaknya Horus adalah penjelmaan anak tuhan dan konsisten dengan banyak tradisi lain.

Telah dibincangkan konsep anak dan ibu tuhan di satu bab awal. Namun, apa yang nak dikatakan, kesemua dewa-dewa dan agama-agama baru yang konsisten konsepnya dengan cerita tadi adalah penjelmaan balik cerita mereka. Senang cerita, agama tuhan mati ni adalah agama yang di'recycle' berkali-kali dalam sejarah ketamadunan dunia dari Babylon, Mesir, Greek, Rom hinggalah ke sebahagian Eropah, Afrika dan Asia. Satu lagi opps, kat China pun ada, tapi tu cerita lain kali lah!

Agama-agama ini dari dulu hingga sekarang terselamat secara terbuka atau di dalam agama-agama misteri yang dibawa oleh pertubuhan-pertubuhan rahsia dan di dalamnya terdapat satu kemewahan ilmu, ilmu yang melangkaui fizikal logik. Senang cerita ilmu sihirlah.

ketua kepada para malaikat walaupun sarjana dunia Islam menyatakan yang dia adalah dari golongan Jin, bukan Malaikat seperti yang di salah faham ramai oleh kebanyakan penganut agama samawi.

Maka, makhluk yang hebat ni telah berusaha untuk memesongkan anak adam sehingga hujung usia dunia. Maknanya, dalam jangka masa umur umat manusia sejak Adam, takkan lah Syaitan ini cuma menghasut manusia buat jahat sikit-sikit, curi sikit, rasuah sikit, buntingkan girlfriend, tengok porn, jangan smayang, ponteng pose. Yelah, itu pun keje diorang gak, tapi yang nyatanya, dengan kehebatan yang dikurniakan oleh tuhan, takkan iblis dan kerabatnya tidak mempunyai sofistikasi atau kecanggihan untuk menjahamkan kaum adam. Kenapa kita tak fikirkan yang diorang yang rancang perang besar-besaran, wabak penyakit ataupun ideology yang memporak-perandakan manusia.

.....

DARAH KETURUNAN DIRAJA.

Korang ada tengok tak Da Vinci code? Aku dah ada bincang sikit pasal buku atau fiilem tu kat bab-bab terdahulu. Ni aku nak ceritakan balik sikit. Tolong jangan bosan. Dalam citer tu, ingat tak macamana kononnya salah satu sect Katolik iaitu Opus Dei cuba untuk membunuh pemimpin-pemimpin utama Priori Of Scion dan memburu satu rahsia, iaitu di mana ianya kedudukan dan identity satu watak yang mendasari cerita tersebut. Crita tu nampak sangat real dan penulisnya mendakwa yang walaupun citer tu fiksyen, tapi kandungannya adalah fakta sebenar.

Balik semula citer tadi, kan Priori of Scion ni adalah organisasi yang penting yang di bawahnya lahir Ksatria Templar pada zaman perang salib? Kononnya, diorang ni telah memelihara satu rahsia besar gereja menyebabkan seluruh Eropah yang dikuasai Kristianiti telah tunduk kepada mereka, dan organisasi ini berkembang dengan kewangan dan ketenteraan yang kuat dan mendapat kehormatan di dalam dunia Kristian. Priori ni jugak didukungi oleh puluhan generasi grand master yang termasuk Victor Hugo, Isaac Newton dan dan Leonardo Da Vinci sendiri.

Kononnya pulak, rahsia yang dipegang priori ni adalah berbentuk Holy Grail atau cangkir Jesus yang popular itu. Holy grail dalam bahasa Perancis adalah sangreal yong kononnya disalah faham kerana maksud sebenarnya menjelma apabila ayatnya dipisahkan menjadi 'sang real', iaitu blood line atau talian darah. Maka rahsia tersebut adalah keturunan diraja Jesus yang masih hidup lantas membuktikan kemanusian Jesus dan membatalkan ketuhanannya.

So Jesus keturunan Daud, Daud dan anaknya Sulaiman adalah raja golongan Hebrew. So kalau keturunan Jesus ada lagi, dia tu adalah keturunan rajalah. Gempak tak? Tapi itu idea buku tu, jangan cakap yang aku cakap yang ia adalah benar. Baca dulu, nanti korang akan faham.

Berbalik kepada Illuminati. Siapa mereka. Well, mereka adalah satu keturunan elit penting dunia. Keluarga di raja Britain adalah mereka. Para Presiden Amerika di bawah pengaruh dan adalah dari golongan mereka. Mereka adalah keturunan elite yang muncul sejak awal ketamadunan manusia lagi. Maka golongan ini telah melalui percampuran perkahwinan yang amat rapi, amat dijaga dan amat berhati-hati, dan perkahwinan itu diwajibkan untuk meneruskan menjaga dan talian darah dari keluarga-keluarga tertentu. Maka tak hairanlah, sejak ribuan tahun, keluarga ini telah memegang jawatan-jawatan dan kuasa-kuasa terbesar dunia.

ANAK-ANAK 'MALAIKAT' YANG GUGUR

Kononnya, nun jauh di awal zaman, di suatu masa, adalah satu golongan makhluk yang jatuh ke bumi. Makhluk ni kononnya dianggap sebagai para malaikat yang telah tergugur ke bumi. Adapun makhluk-makhluk ini telah bercampur gaul (kahwin) dengan manusia dan menghasilkan satu bangsa 'gergasi' yang dipanggil Anakim. Menurut Bible dalam kitab Genesis, makhluk yang jatuh ke bumi tu dipanggil Nephilim, atau Anak-anak Tuhan. (mengikut terjemahan Hebrew, bila di'new testament'kan, menjadi manusia perkasa.) Menurut Bible juga, mereka mengambil dan mengahwini manusia-manusia di kalangan keturunan Cain (Qabil) iaitu anak Adam yang glamer itu. Apa-apapun, setelah di teks-teks terjemahan yahudi telah menterjemah-kan mereka sebagai Lucifer, atau iblis dan kerabat-kerabatnya. Gila tak? Keturunan kaum Iblis, gempak tak?

Maka golongan Illuminati telah mendakwa yang mereka datang dari keturunan 'para malaikat yang gugur'. Dan, dari mereka juga golongan Illuminati ini mempelajari ilmu 'Kebijak-sanaan Purba' (Ancient Wisdomlah tu! Terjemahan sekolah atap'). Ancient wisdom ini juga dikenali sebagai Kaballah, satu ajaran yang menyelinap, atau menyamar sebagai salah satu ajaran dalam agama Yahudi.

Logik tak pernyataan ni? Betul ke fakta ni? Jangan lupa, Freemasonry dan Illuminati telah menyimpan rahsia ini selama ribuan tahun, tiba-tiba datang pulak aku mencedok teori dari mana-mana dan paparkan kat sini. Seeloknya kau yang buat kajian sendiri. Kalau dapat.sama-samalah kongsi untuk semua.

TUHAN YANG MENINGGAL DUNIA? AMENDA NI?

.....

Tapi apa kaitannya dengan satu konsep konsisten di seluruh sejarah manusia. Maksud aku, konsep anak tuhan, ibu tuhan dan tuhan mati yang dibangkitkan semula. Telah dibincang-kan bahawa sepanjang ketamadunan manusia, konsep ini berulang-ulang di dalam ajaran ajaran agama di seluruh pelusuk dunia. So apa kaitannya dengan ajaran Illuminati ini. Meh la aku cerita-kan benda dari mula. Ianya dah diceritakan kat bab awal, harap korang tak bosan! So,ya adik, adik, abang nak cerita ni ye.....

Alkisah diceritakan di dalam ketiga-tiga agama samawi tentang watak yang bernama Nabi Nuh (Noah), seorang nabi yang menyelamatkan pengikutnya dengan bahtera ketika berlakunya banjir besar. Setelah puas memujuk kaumnya untuk mengikut ajaran sebenar tetapi tidak dilayan,

yang mapan dengan idea dan aktiviti,mengapa tidak kalian lakukan sebarang aktiviti bersama komuniti dan orang sekitar kejiranan kalian.. cuba untuk masuk kedalam komuniti itu..dan cuba lontarkan idea itu..dan di situ lah akan terbit semangat kejiranan anda..walaupun idea dan pendapat kalian memang berbeda dengan mereka-mereka di luar sana,namun sedikit usaha yang dihasilkan akan melanjutkan semangat semua.

Fanzine kembali meriah di arena punk rock di Malaysia. Banyak fanzine baru dan fanzine lama masih diteruskan. Apa penting sangatkah zine ni? Saya pembuat zine, kadang-kadang saya rasa macam syok sendiri, tidak mampu memberi kesan kepada khalayak pembaca. Tidak tahu apa reaksi/komen pembaca. Bila setan gondol ini datang, memang rasa tak hingin lagi nak teruskan zine ini.Kalau anda rasa zine ni penting, tolonglah tiupkan semangat ke dalam diri saya dan editor-editor lain yang sesekali datang mood sebegini. Tapi, kalau rasa tak penting pun kena bagitau jugak. Tak adalah saya duk rasa syok sendiri.

A: Entahlah ikut pada individu, bagi aku fanzine penting kerana dialah majalah infomasi untuk golongan remaja dan juga orang yang telah lama mengikut perkembangan fanzine. Engkau tak patut rasa bersalah. Bangga diri. Sebab apa? Sebab itu adalah usaha kau dan kau patut bergembira apabila kau dah akhirnya siap fanzine dan ramai orang membacanya. Kalau orang kritik itu biasalah... kalau takde orang kritik maknanya takde orang bacalah fanzine kau, cuma engkau kene pandai selesaikan, jika ada masalah.

N: Zine itu penting, aku sendiri masih mengusahakan isu ke 12 zine aku walaupun semangat datang sekali-sekala. Macam aku cakap tadi, kerja tu setan yang mencuri masa aku. Hehheheh!!! Selain dari berfungsi untuk berkongsi cerita dan berita, ia juga memberi peluang untuk mereka-mereka yang buta main alat muzik untuk aktif dalam scene HC/Punk. Aku pun buat zine syok sendiri jugak, tapi kalau dah minat kita buat jugak walaupun sambutan kurang menggalakkan. Yang penting, tulislah apa yang kamu hendak tulis dan apa yang kamu hendak pembaca baca bukan apa yang pembaca nak baca. Hehehhe, pening! Apa saja, personal, lawak bodoh, kamu tetapkan apa yang kamu mahu! Yeah! Kepada fanzine editor yang lama dan baru, teruskan berkarya, kami dahagakan hasil-hasil tangan kamu.





R: bagi saya,ianya terpulang kepada tuan empunya editor itu sendiri..saya respek beberapa editor zine yang skang masih rajin mengeluarkan zine dengan isu yang baru... :)

Apakah yang benar-benar menarik minat kamu waktu ini? Adakah kamu seorang yang optimis?

A: Sekarang aku berminat untuk membaca lebih banyak buku tentang anarchism dan mengadvance kan cara memasak aku hehehe :p

R: Bersikap optimis sangat bagus sebenarnya..dan saya mengaku sangat optimis dalam sesuatu perkara...tetapi,sikap optimis saya kadang2 tercalar dek kerana terlalu banyak bebanan dan tekanan kereja yang sewaktu dengan nya..saya beberapa kali bangkit dari kemalasan untuk menyiapkan zine saya,ketika itu,saya berkata yang saya ni seorang optimis..tapi,saya rebah jugak.....saya tak optimis sebenarnye..SIBUK DENGAN KERJA adalah faktor mengapa ramai editor yang buat zine separuh jalan...hehehe..tapi saya respect sesetengah editor yang optimis dengan apa yang mereka lakukan...:)

N: Sekarang aku sangat sibuk dengan kerja dan aktiviti scene, jadi apa yang menarik untuk aku adalah masa lapang, dan juga mungkin travel ke luar negara. Bulan 12 lepas aku baru membuat passport, jadi aku sangat nantikan cuti panjang untuk aku terokai tempat orang. Harapnya. Optimis? Aku rasa aku kurang optimis, aku seorang yang sedang-sedang aja, slow, tak kesah, orang terengganu cakap "beraluh".

Ramai orang berkata salah satu cara menentang kapitalisme ialah boikot. Namun, apakah alternatif kepada boikot? Bagaimana hendak membina sebuah basis ekonomi alternatif yang lebih demokratis, bagaimana

caranya membuat sebuah usaha 'cari makan' yang tidak harus menindas dan bebas dari penindasan?
A: Inilah dillema kita di Malaysia, Kita cakap "BOIKOT" tapi.... reality kita beli jugak barang-barang kapitalist seperti Coke, Top Man, Mcdonald dan lain-lain lagi, bagi aku orang malaysia yang boikot kebanyakan hypocrit, boikot tapi beli jadi apa guna kekuasaan boikot kau.Demokratic... Malaysia secara realiti negara dictator, Aku tak nampak dimana Demokratic dia sedangkan undi rakyat pun boleh di bantah begitu sahaja.Ekonomi kita dikuasai oleh kapitalist, kalau betul nak boikot pergi masak sendiri lah makanan, baju beli bundle ke tak pun kalau nak makan dekat luar makanlah dekat kedai Tom Yam "Kak Tipah" ke (Kalau ada lah) kedai mamak pun boleh jugak (Selain Pelita ye... adik-adik.....) hehe :P
N: Alternatif pada boikot, jika lebih advance kita patut cari dan hebahkan atau hasilkan produk-produk alternatif supaya orang lain juga boleh meminimakan pembelian produk kapitalis. Usaha cari makan yang bebas penindasan masih boleh dicapai aku kira jika peniaga tidak mengenakan caj atau mengaut profit yang melampau-lampau. Satu lagi yang jugak penting, pengguna mestilah jadi bijak. Macam tajuk lagu Kuchalana, 'Brand Not Product', kebiasaanya jenama yang sudah lama di pasaran lebih cenderung untuk mengaut untung yang tidak munasabah dengan harga yang melampau-lampau sedangkan ada jenama-jenama baru yang juga sama kualiti atau mungkin keluaran tempatan yang jauh lebih murah harganya. Nilai kualiti produk, bukan jenama

Percaya atau tidak jika dikatakan Kerajaan Amerika sendiri yang mengebom Pearl Harbour sepertimana 9/11 dan lain-lain propaganda? Apa komen kalian tentang ini?
A: Pearl Harbour.... mungkin tidak sebab ahli sejarah kebanyakan dah buat research dan memang ada kapal selam jepun ketika itu, 9/11 adalah propaganda Bush untuk mendapatkan sumber Minyak di Arab yang melibatkan kematian orang ramai dan Amerika kalah lagi.... ish ish ish....
R: Ermm...saya pernah menonton DVD tentang peristiwa ni...tetapi saya tidak berani untuk membuat sebarang andaian tentang hal propaganda dilakukan Amerika ini...

Baik, saya ingin menyentuh sedikit mengenai sistem pendidikan di negara kita. Apa pandangan anda secara umumnya. Satu lagi, kerajaan mewajibkan anak-anak bersekolah sehingga tingkatan lima tidak kira pencapaian mahupun minat pelajar (maksud aku, tak lulus upsr, pmr pun boleh teruskan hingga tingkatan 5, orang tak nak belajar/sekolah pun wajib jugak sekolah). Apa pandangan anda? Bagaimana pula dengan PPSMI?
A: Dia (Kerajaan) mewajibkan Kanak-kanak Malaysia melanjutkan pelajaran tetapi tak semua boleh masuk. Kenapa? sebab takde duit....., lepas tu kerajaan cakap boleh memberi pembantuaan di mana hanya orang tertentu sahaja yang dapat masuk belajar. Jadi wajib apa benda tu? Kalau nak suruh orang belajar sangat buatlah kitaorang sekolah percuma jadi semua orang boleh belajar, kerajaan bukan takde duit terutama duit mereka datang dari sesetengah golongan yang kaya, Kapitalist, duit rakyat dan duit rasuah.
R: Alamak..susah nye soalan..aku bg nizang la jawab.. :)
N: Soal pendidikan sekolah ni aku tak pernah amik pot sangat sebelum ni. Tapi aku rasa, murid sekolah diwajibkan sekolah tu ada baiknya. Sebab sama jugak seperti kenapa budak under 18 semua keputusan ibubapa yang kene buat, kene bagi kebenaran semua, mungkin kerana budak underage ni tidak dapat buat keputusan yang bernas dengan sendiri walaupun mereka rasa mereka mampu. Contoh mungkin ada yang rasa dia memang taknak belajar dan tu keputusan muktamad dia, so mula carik kerja. Tapi bila umur dah meningkat dewasa, mula menyesal sebab tak belajar. Ada pro dan kontra di situ. Mungkin jurusan-jurusan di sekolah boleh dipelbagaikan lagi, supaya budak-budak yang tak suka sains, fizik, matematik macam aku ni boleh pilih jurusan yang lebih sesuai selain ekonomi. Zaman sekolah mengengah adalah zaman pemberontakan para remaja, cara pendekatan pengajaran jugak mesti disesuaikan kerana bukan mudah mendisplinkan remaja bahkan ibubapa sendiri pun pening kepala. Kah kah kah. PPSMI adalah kejam. Bukan semua murid itu boleh menguasai bahasa inggeris, bayangkan jika murid yang kurang tere English, mungkin ada yang terus give-up nak belajar matematik dan sains sedangkan dia ada peluang cerah jika mata pelajaran berikut adalah dalam bahasa ibunda.

Dunia kini menjadikan kita terasing oleh sebab ketidakpedulian terhadap politik (bukan politik kepartian) atau depoliticizing dan menyembunyikan hakikat sebenar hubungan manusia dengan kehidupan sebenar mereka. Dan kita seolah-olah tidak peduli atau tidak sedar akan hal ini. Adakah sebarang jalan untuk melepaskan diri dari sangkar kejahilan ini?
A: Well dude.... no.... takde cara lain, kita semua kene lalui benda ni walaubagaimana kita tak setuju dan tak suka perkara ini, cara untuk mengelak kita kene pastikan diri yang kita masih mempunyai ethic kehidupan di dalam diri kita dan ingatlah siapa diri kita, jangan sesekali lupa diri, Satu lagi cara paling senang kita migrate ke negara lain dan mula balik hidup baru. "The reset button of life..."
R: suka saya katakan di sini,sikap sesetengah orang sukar dijangka..cara yang paling senang untuk menunjukkan hakikat kehidupan kita yang sebenar ialah 'be urself'...dan dunia tidak akan terasing jika kita semua tidak bermuka-muka atau tidak bersikap pentingkan diri sendiri...

Kebanyakan aktiviti seharusnya kita lakukan dengan seronok (seperti buat zine, band, kolektif). Namun, keseronokan tersebut biasanya lama-kelamaan bertukar menjadi kerja-buat atau tanggungjawab. Bagaimana anda menangani keadaan sebegini?

Babylon, Athom, Amum, Ptha, Osiris dan Horus di Mesir, namun yang paling menonjol ialah Mithra, tuhan yang diadaptasi dari Parsi hingga ke Rom! Apa yang pasti, kebanyakan mereka meraikan kelahiran tuhan-tuhan ini pada waktu equinox, kelihatan di langit bintang Sirius atau bintang anjing, di mana hari- hari tersebut, matahari tidak timbul selama dua hari, pada hari ketiganya, matahari pun timbul. Kehilangan matahari tersebut bagaikan tuhan yang mati dan kembalinya matahari bagaikan tuhan hidup kembali. Ia juga bersamaan dengan kepercayaan Kristian dengan kematian Jesus, yang badannya diletakkan di dalam sepulchure selepas disalib dan pada hari ketiganya, berlakunya ressurection atau hidup kembali.

Kebetulan pula, hari di mana matahari kelihatan kembali pada kalender modern jatuh kepada 25 Disember, hari penganut Kristian menyambut Krismas walaupun ada seseparuh golongan Kristian tidakpun menyetujuinya sebagai tarikh kelahiran Jesus. Adakah ia satu kebetulan, ataupun catholism itu adalah sesuatu yang terancang. Lagipun, Constantine the Great itu, walaupun hidup beratus tahun selepas kematian Jesus, adalah keturunan Herod, pemerintah ketika zaman Jesus. Pada masa yang sama, Rom, iaitu empayar pemerintah di kedua-dua zaman adalah penganut Mithraisme, satu anutan Kultus popular di kalangan orang Rom ketika itu dan Mithras juga adalah elemen penting di dalam kepercayaan Illuminati.

Bercakap tentang Mithraisme atau Mithra, Ia adalah anutan popular pada dinasti Rom. Ia adalah agama 'mystery' yang bermaksud lanya adalah agama rahsia yang hanya disebarkan untuk orang yang telah dijadikan ahli sahaja, bukan untuk orang ramai, dan perempuan pun tidak dibenarkan untuk memasukinya. Pusat ajaran Mithra ini dipanggil Mithraeum. Ianya berbentuk kuil penyembahan yang dibuat di dalam gua, gua asli atau binaan berbentuk gua dan dan kadangkala dibina di bawah bangunan/ Ianya gelap dan tidak dibina tingkap di dalamnya. Gua ini dipanggil 'spelaeum' atau 'spelunca' (mengingatkan aku pada 'The Cave', Plato.)

Mithra dikatakan berasal dari Parsi sebagai sebahagian dari kepercayan Zoroastrian, namun terdapat sedikit perbezaan antara keduanya. Zoroastrian boleh diklasifikasikan sebagai agama monotheistic dan ada juga sumber yang mengatakan ianya anutan berbilang tuhan. Tuhan golongan ini dipanggil Ahura Mazda dan Mithra adalah watak penting mereka dan nabi yang bernama Zarathustra. (Nama lain untuk Zoroaster - Ingat buku Nietzche?)

Di Rom pulak, imej yang paling popular untuk ajaran ini adalah imej Mithra menyembelih lembu suci (Tauroctony). Ia berkait rapat dengan kepercayaan tata-bintang yang menjadi elemen penting ajaran mereka. Namun berbeza di Parsi, tiada bukti cerita yang menyatakan Mithra menyembelih lembu, sebaliknya, Ahriman, yang dikenali sebagai tuhan kejahatan yang dikatakan menyembelih lembu suci ciptaan Ahura Mazda. Ntah macamana pertukaran berlaku.

So, kiranya Mithra ni adalah ciptaan Ahura Mazda di bumi untuk melawan kuasa jahat Ahriman. Mithra dilahirkan secara magis oleh ibunya yang bernama Anahita. Mak dia pulak dianggap virgin mother goddess, atau dewi tuhan yang dara dan celibate atau menghalang diri untuk 'bergaul fizikal' dengan lelaki sepanjang hidupnya (pembujangan). Di sumber lain pula di katakan Ahura Mazda mempunyai dua anak iaitu Angra Mainyu, yang juga dikenali sebagi Ahriman dan Spenta Mainyu, namun tiada pula yang dapat dipastikan samada Spenta Mainyu adalah Mithras.

Mithraism di Parsi sebenarnya satu koleksi tradisi dan upacara saja tapi apabila orang Babylon mengadaptasinya, mereka memperbaiki theology tersebut. Pendita-pendita mereka mengadaptasikan dan mengasilmilasikan mereka dengan ajaran tempatan. Maka Ahura menjadi tuhan Baal, Anahita menjadi Ishtar dan Mithra menjadi Shamash. Kerana asosiasi kuat astronomi dan solar dalam sistem kepercayaan Babylon, penganut Rom kemudiannya memanggilnya dengan nama Sol Invictus, matahari yang tak dapat dikalahkan. Matahari pulak dirujuk sebagai mata Mithra. (pada masa yang sama, nak bagitau gak, dalam bahasa Perancis, matahari dipanggil 'soleil', bermaksud, mata hari, atau eyes of the day. Teringat pulak lambang Freemason, All Seing Eye) Malah, Halo (benda bulat kat atas kepala) yang memberi simbol matahari menjadi satu simbol untuk para saint penganut kristian. Yang uniknya, penganut Mithra berbaptis, dan mempunyai sacrament, iaitu upacara makan roti dan wain, mereka juga menyanjung tinggi pembujangan.

Mereka juga memilih ahad sebagai hari suci ('sun' day), walaupun tradisi perjanjian lama menyambut Sabbath. Dan yang paling penting, penganut Mithras menyambut hari kelahirannya pada 25 Disember. Mithras dikatakan mati, dikuburkan di dalam kubur bergua dan dihidupkan kembali. Bunyi macam kenal je konsep agama ni? Nak kepastian, gi carik dan baca sendiri!

Illuminati, So? Siapa diorang Nih?
.....

Ada banyak version yang menyatakan asal-usul sebenar mereka nih. Dalam pencarian aku dulu, aku didedahkan dengan macam-macam jenis maklumat. Dan kebanyakannya menjurus kepada benda pelik-pelik- UFOlah, penjuruteraan manusialah oleh pre historic alien lah, Alien baik lawan Alien Jahatlah, balah blah blah, yadda yadda yadda! Senang cerita, ada lawak bodoh yang terdapat di mana-mana menyelubungi mythology Illuminati nih yang akan menghilangkan motivasi . Antara hero yang menawarkan cerita pelik-pelik ni adalah mamat macam David Icke. Pernah dengar? Tolong sapa-sapa jumpa mamat nih, tolong ketuk kepala dia ni sedas dua!)

Apa-apa pun, biarlah aku bagi satu versi yang agak reliable (bagi aku lah kan). Walaupun agak tak logic, tapi dengar je lah, sebab ni adalah lagenda diorang, kepercayaan diorang. Percaya tak percaya, itu korang punya penilaian. Tak semestinya aku sendiri percaya, tapi ini kepercayaan diorang.

Tapi sebelum aku sambung, aku teringat aku terdengar kat TV ada satu ayat yang dituturkan oleh seorang ustat yang berbunyi, "...syaitan di kalangan Jin dan Manusia." Ntah apa maksud kenyataan ni. Tapi kan, kenyataan ini membuatkan aku terfikir, Iblis tu adalah satu makhluk yang hebat, pernah menjadi

berkait, saja tulis - worth mentioning la kot. Namun perbincangan kali ini menjurus kepada kaitan antara dunia dan kepercayaan keturunan Illuminati dengan agama samawi.

Ok lah, meh kita start. Meh kita tengok dewi atau tuhan perempuan pulak. Sebelum tu aku nak bagi tau. Sebenarnya kadang kepelbagaian nama tuhan atau dewi sebenarnya datang dari sumber yang sama, cuma apabila ia datang ke daerah dan lidah perbualan yang lain, ia akan berubah sebutan dan mungkn terdapat perubahan ciri-ciri wataknya.

Contohnya dewi yang bernama Asherah. Asherah adalah satu dewi dalam tradisi Hebrew yang cenderung untuk disamakan dengan Athirat dewi golongan Uguratic adalah dewi Utama Ibu Dewi atau ibu tuhan dalam dunia Semitic barat laut. Di dalam sumber Akkadia dikenali sebagai Ashratum dan di Hittite dikenali sebagai Aserdu atau Ashertu, atau Aserdu atau Asertu.

Di Ugarit Athirat dipanggil a_rt ym, _A-irat yammi, "Athirat Laut' atau Dia yang menguasai laut, nama yang difahami oleh pengulas Ugarit dan mempunyai persamaan dengan ulasan Hebrew. Di dalam text-text tersebut, Athirat dikenali sebagai teman tuhan El. Tiada bukti yang membezakan dia dengan Ashtart atau Astatate yang mempunyai kaitan dengan dewi 'Ishtar' di Mesapotamia. Di mesir, dewi Semitic Qudshu muncul dengan terang yang disamakan dengan dewi Mesir Hathor. Hathor pula adalah dikatakan penjelmaan Isis dalam nama lain dan biasanya dalam bentuk lembu betina dan diasosiasikan dengan Horus (Osiris). Isis juga digambarkan mempunyai bola cahaya di kepalanya dan bertanduk lembu. Lembu juga lambang kepada salah satu penjelmaan Osiris dalam bentuk dewa mesir yang dipanggil Apis Bull. (Lihat persamaannya dan ingat surah Al-Baqarah?).





Mata atas pyramid, duit dolar US. Sampai kat duit pon tunjuk.

Seperti yang telah dibincangkan, Isis dan juga hathor sering kali digambarkan sebagai wanita yang membawa bayi lelaki (anaknya Horus). Ia tidak dapat dinafikan dan banyak sumber yang bersetuju, disebabkan percampuran dan pergaulan budaya selama ribuan tahun, banyak keliruan berlaku lantas banyak simbolisme Kristian telah diganti dengan simbolisme pagan, dan salah satunya anggapan imej Mariam yang memegang anak (Madonna and Child). Dalam A Short Guide in Occult Symbols, Carl Teichrib menyatakan yang konsep dan imej Dewi Dara bersama anaknya banyak terdapat di dalam masyarakat dunia termasuk beberapa aspek di dalam Kristianiti. Malahan, banyak Occultist (pengamal kepercayaan yang biasanya dikaitkan dengan amalan sihir dan upacara pemujaan) melihat banyak persamaan antara Mariam Dara (virgin Mary) versi katolik, Ratu Syurga dan Dewi Isis. Dan persamaannya sangat ketara.Malah katolik Roman menegaskan Mariam sebagai dara sepanjang hidupnya seperti juga Dewi Isis dan Mariam sebagai orang tanpa dosa menjadikan dia bersifat ketuhanan. Malah ada yang mendakwa Mariam adalah orang ke empat di dalam Trinity. Malah, di dalam Ancient Egyptian pula (documentary BBC yang dibukukan) oleh Anton Gill menyatakan, " ...Horus adalah anak Osiris dan Isis yang berkepala Helang lantas adalah ahli kepada trinity yang paling penting di dalam Theology mesir purba" (konsep trinity yang wujud sekelian lama)

Seperti yang dikatakan, konsep anak dan ibu tuhan bukannya asing di dalam tradisi semitic. Salah satu dari dua belas puak yahudi iaitu puak Levite telah diserang oleh penganut agama penyembah Belial di kawasan yang dipegang oleh puak yahudi Benjamites. Maka puak Benjamites diarahkan untuk membawa pesalah tersebut ke pengadilan, sebaliknya, puak Benjamites ini mengangkat senjata dan mempertahankan penyembah Belial ini. Ini telah disebut di dalam Perjanjian Lama. Dan salah satu pendapat menyatakan yang kaum Benjamites itu mengadaptasi penyembahan Belial itu sendiri dan yang nyatanya terputus dari puak-puak yang lainnya.

Belial adalah (suami?) dewa ibu tuhan puak Sumeria dan dikenali sebagai Ishtar di Babylonia dan Astarte pada Pheonician seperti dinyatakan di atas. Belial juga digambarkan dalam bentuk lembu betina (seperti Hathor juga lantas mengaitkannya dengan Isis). Di Arcadia Greece, cult atau anutan kepada dewi ibu tuhan ini wujud dan dikatakan dipopularkan oleh koloni yang tiba dari Palestin. Trend penyembahan ini wujud dan kekal lama di Arcadia dan dikaitkan dengan penyembahan Demeter, dan kemudian Diana dan kemudian Artemis. Artemis juga dikenali sebagai Arduina menjadi tuhan bagi golongan Ardenennes yang tiba ke Perancis melalui Sicambrian Franks. Dan penghargaan kepada dewi-dewi ini masih lagi kelihatan sehingga kini, antaranya melalui organisasi yang menggelarkan diri mereka Fellowship of Isis.

Berbalik kepada konsep anak tuhan, selain daripada watak-watak penting dalam sejarah yang menggelarkan diri mereka tuhan (yang secara total boleh ditolak kesahihannya), terdapat juga agama-agama di mana konsep anak tuhan ini menjadi teras penting kepada kepercayaannya. Antara kepercayaan yang masih boleh dirujuk hari ini ialah watak Krishna dalam Hinduisme. Terdapat beberapa versi yang ditemui tentang watak Krishna sendiri. Namun antara yang disetujui bersama adalah taraf Krishna adalah penjelmaan dari tuhan Vishnu. Adakah aku nak perincikan tuhan-tuhan ini satu persatu. Takyah, kan berjela-jela pulak.

So senang cerita, banyaknya terdapat tuhan-tuhan yang lebih dekat dan konsisten konsepnya di dalam sejarah ketamadunan manusia. Konsepnya ialah beribu, berbapa tuhan, mati dan dihidupkan kembali. Konsep ini berulang-ulang dalam bentuk dan nama yang lain. (mungkin sedikit berlainan namun konsepnya hampir sama). Tak payahlah aku terangkan satu persatu, cukuplah aku rangkumkan semua. Well, kita ada Mitra-Varuna di India, Zurvan di Babylon, Adonai untuk Phoenician atau Adonis untuk Yunani, Ba'al juga di

A: Well kitaorang masih mempunyai keseronokan dalam apa yang kitaorang buat jad ia takdelah sebuah masalah.
R: setakat ni saya masih tidak merasa begitu..saya seronok dengan apa yang saya lakukan..cuma nya,bila kita terlalu banyak dengan kotimen lain,itu la yang membuatkan kita rasa terbeban dan seakan ada tanggungjawab tu..
N: Wah, itu memang tepat. Kadang-kadang memang tensi dan menjadi beban pula. Tapi ia sedikit terubat, seperti contoh band nilah. Macam ada waktu-waktu tegang kami macam band member datang lambat untuk jamming, jamming terpaksa cancel, contohnya. Tapi ia akan terubat sendiri bila ada time jamming itu menjadi seronok. Lalu, semangat nak teruskan band datang balik walhal sebelum tu fikir nak quit je band terus sebab tensi, haha. Untuk buat zine pulak, nak menyiapkan satu hal sebab kena curik-curik masa, keluar duit, tunggu lama nak fotostet dan lain-lain tapi kegembiraan dan kepuasan akan terpancar di wajah bila ada yang bagi feedback positif atau ramai yang membeli. Sekurangnya kita tahu ada orang peduli dan ambil peduli hasil usaha kita tu.

Ada yang berkata revolusi hanya akan berlaku sekiranya kita mampu 'mencapai' massa dengan idea-idea kita. Sedangkan kebanyakan idea-idea kita hanya berlegar di sekeliling 'kita-kita' sahaja. Betul ke?
A: Hmm..... Tak jugak, revolusi boleh terjadi jika kita pandai mencari jalan untuk mencetuskan sebuah revolusi, ia tidak semesti kita perlu pergi ke mainstream untuk mencetuskan revolusi. Paling bagus kalau kita dapat menyebarkan lagi ke ramai orang selain dari orang yang kita kenal dengan tanpa menggunakan media massa, jadi Kongsilah ilmu anda untuk mencetuskan revolusi..... :P
R: ada betul nya kata-kata cikgu itu...untuk menyampaikan idea-idea dan mesej kita seharusnya keluar dari jaringan 'kita-kita' ini..cuba untuk lontarkan idea dan mesej yang ada dalam lagu-atau lirik-lirik ini lebih ke depan dan lebih didengari oleh semua golongan...
N: Bagi aku, memang betul seperti saudara cakapkan tu, idea kita mesti sampai kepada massa supaya revolusi tercapai. Kerana itulah, punk scene bukanlah exclusive club hanya untuk mereka-mereka yang dengar muzik punk dan pengumpul piring hitam tegar sedangkan takut (baca: malas) untuk turun ke jalan dan sebarkan idea. Sebarkanlah mesej anda kepada semua bukan circle korang saja. Tapi itu tidak bermakna kita patut bersekongkol dengan korporasi. Dengan cara DIY dan berdikari kita luaskan dan lebarkan jaringan kita. Aku anggap punk rock lebih kepada evolusi diri dan escapism tapi revolusi tidak mustahil boleh tercapai melalui punk rock, di Malaysia mungkin lambat lagi.
Tapi itu bergantung pada revolusi yang ingin dicapai. Kalau dari segi muzik, aku rasa punk dan indie dah agak berjaya sekarang, tengok saja budak punk dan indie merata-rata. Tapi adakah mesej sampai atau hanya sekadar fesyen, trend dan benda remeh-temeh dari punk saja yang mereka ambil? Di mana silapnya tu? Nak tuding jari? Salahkan diri sendiri lebih elok barangkali.

Punk bukan lagi berkenaan dengan making a difference. Ia tidak lebih dari bisnes dan keuntungan. Kita lebih menitikberatkan produk, cd apa nak beli, dan t-shirt apa nak jual. Atau adakah anda rasa 'komoditi-komoditi' ini masih lagi penting buat kita dan cuma biarkan sahaja ia sebegitu; atau kita ni dah macam a great consume – yang mana tak ubah macam arus perdana?
A: hmm..... Bagi aku Punk kebanyakan nya dah mati..., Punk sekarang adalah trend fashion sahaja dan golongan ini juga berperangai berlagak dan Macho, Punk juga sudah menjadi sumber business untuk kapitalist, diaorang menggunakan "Punk" Sebagai Icon untuk remaja membeli barang mereka. Bagi orang yang masih mempunyai prinsip making it different or the most important one "Being D.I.Y" or "Be Your Self", teruskanlah kerana korang lagi punk daripada orang yang mengelar kan diri mereka "PUNK".



R: Benda ni sebenarnya tak boleh nak disalahkan komuniti atau segelintir orang berada dalam scene..sebenarnya hal ini jika dilihat lebih kepada budaya masyarakat kita yang sememangnya terpengaruh dengan arus pergerakan ekonomi serta taraf hidup rakyat malaysia sekarang ni...jika hal ini masih dipersoalkan,sama seperti kita menyoal kenapa dah tak banyak orang buat zine sedangkan sekarang ramai orang tulis kat blog ganti zine..betul tak cikgu?benda ni berkait rapat dengan peredaran zaman laa...maksud nya disini semakin hari manusia hidup semakin ke arah kesempurnaan dan ke arah peningkatan kualiti hidup..dan mungkin jugak ianya satu TREND! dan jika dilihat sekarang,orang memang menilai wang itu dengan kualiti produk itu...

N: Produk dan merchandising adalah antara benda-benda tambahan saja dalam punk scene, ia ibarat accessories tambahanlah. Jika takde atau kurang accessories pun, bahagian utama iaitu idea dan mesej masih boleh bergerak dan beredar. Tapi produk seperti CD itu akan meluaskan dan menjelaskan lagi mesej kita tu kepada orang ramai dan lebih mudah diakses. Itu pendapat aku. Bila ia menjadi consumerism seperti contoh pakaian, bagi aku itu terpulang pada band, label dan individu. Ia boleh menjadi alternative, contoh dari beli baju dari Nike lebih baik aku beli baju band kawan aku. Tapi biarlah berpada-pada dan bukan seperti arus perdana. Aku akui, zaman sekarang label lebih banyak keluarkan baju dan pakaian lainnya kerana ia lebih mudah dijual berbanding CD, fanzine, dan lain-lain. Sedangkan ada label yang dahulunya keluarkan kaset dan CD terus mengubah bisnes kepada mengeluarkan baju sahaja. Fesyen tidak mampu membawa revolusi.

Apa yang membuatkan anda draw a line dan bila atau apakah yang akan membuatkan anda melangkah/melintasi garis tersebut?

A: To be honest i don't draw any line, dan aku suka melintas line sebab bagi aku border hanya patut ada jika benda itu sangat bahaya atau sangat penting, lain daripada tu tak patut ada. Tapi jikalau border tu boleh mencetuskan revolusi, aku confirm lintas dan siapa nak halang aku cubalah kalau berani hahaha :)

R: PUNK. Punk la yang membuatkan saya melangkah melintasi garisan..punk la yang banyak mengajar saya erti kehidupan..erti menghormati orang lain..erti menilaikan sesuatu...dan ianya buat saya berfikiran rasional dan terus survive dengan kehidupan yang saya lalui sekarang..

N: Kami tak pernah hadkan luahan hati kami setakat ni cuma kami pandai-pandai cover line dan ejas sana-sini ikut kesesuaian. Walaupun kami punk, ada batasannya kadang-kadang. Kami juga ada perasaan takut macam orang biasa. Bila-bila masa boleh kene heret masuk ISA atau kene kepung dengan budak-budak neo-nazi, malay-power shit. Kami ada dengar budak-budak nazi carik kami, tapi setakat ni belum ada masalah atau insiden yang besar. Harapnya tiada insiden yang tidak diingini berlaku, kerana niat kami positif-positif belaka tak pernah ke arah negative.

Akhirnya, maaf kerana anda terpaksa menghadapi banyak soalan daripada saya.Terima kasih buat semua ahli Dum Dum Tak. Ada apa-apa pesanan kepada pembaca sebagai mengakhiri temubual ini? Sampaikan salam hangat saya buat teman-teman di sana.

A: Takpe..., banyak soalan bermaksud banyak ingin tahu jadi itu adalah benda yang bagus :). Aku pertama sekali ingin berterima kasih kepada engaku sebab menginterview Dum Dum Tak untuk fanzine kau, nanti ada time kita lepak minum sirap ais hehehe :P, terima kasih untuk rakan-rakan dan orang yang minat Dum Dum Tak (Korangpun Kawan jugak...), Ibu bapa kitaorang dan akhir sekali Ingatlah siapa diri korang jangan ikut orang lain sebab kononnya boleh buat kau jadi "Cool" Kononnya lah dan bagi yang berkerja ingatlah hak asasi korang supaya korang tak dipijak oleh boss korang dan di hina oleh golongan mereka, kalau bermasalah boikot lah tempat tu ramai-ramia bagi diaorang rasa sikit korang siapa hehehe :P



N: Takpelah sekali-sekala jawap banyak soalan. Bukan calang-calang band/individu boleh masuk zine DRSA ni wei, hehehe. Sama-sama. Pembaca bolehlah lawati http://dumdumtak.blogspot.com atau email kami di dumdumtak@gmail.com untuk apa-apa ya!

R: Thanks buat cikgu fazri..... "Semua orang itu guru, alam raya sekolah ku....." - MARJINAL...thanks jugak kat semua kawan dan yg support DDT..

zaman dan penguasaannya. Malah untuk mencapai Sosialisme sebenar, zaman unitari autokratik komunisme moden perlu ditempuhi. Oh...! Sungguh indah. Sungguh Suci. Sungguh inspiring (Ya bagi budak tahun dua Universiti yang mengusung T-Shirt Che Guavera). Namun kenyataannya tak seberapa indah.



Perhatikan imej Skull N Bone dan Maltese Cross pada lambang Nazi.

Tapi tak ramai yang tahu, ketika revolusi merah memuncak, menurut Howard Zinn, Trotsky sedang mengajar di sebuah Kolej Yahudi di New York, dan kalau tak silap, Lenin sedang main tennis dan kemudiannya hadir ke Russia dengan keretapi mewah. Macam mana orang macam tu mengetuai parti rakyat kaum bawahan Bolshevik?

Fiksyen popular ialah Marx telah mengadaptasi theory dialectical Hegel (dia adalah salah seorang ahli The Young Hegelians Bersama Bakunin (Nihilist/ Anarchist/ Satanist) dan lain-lain) dan menulis the Communist Menifesto bersama Freidrich Engel, dan dalam masa itu merempat di rumah Engel kerana takde tempat berteduh. Yang ramai tak tau masa dia tengah menulis buku tu, di seberang bilik, Karl Ritter, dari Frankfurt University tengah menulis anti-thesis yang menjadi asas kepada idea-idea Nietzche yang berubah menjadi Fasisme dan kemudian kepada fahaman nazi. (Ingat kan, Nazi mengalami kekalahan hebat antaranya sebab kegagalan menguasai Komunis Rusia. Tak tengok enemy At The Gates ke wei?) Dengan tu teringat apa yang aku belajar mengenai 'philosophy', yang Philosophy is the Subtitute of Religion. Terasa pulak nak tambah yang that philosophies are religions themselves.

Freidrich Nietzche pernah kata yang tuhan dah mati, dan dia melalui Zarathustranya mengajar idea Uberman, atau Superman mengutuk penganut agama sebagai pembenci kehidupan dan ingat balasan kematian je. Satu karangan penyeruan Nihilisme yang menarik untuk hati anak-anak muda termasuk Rockers mati muda seperti Jim Morission dan Kurt Coban.

Kemudian aku teringat Rousseau* yang bercerita tentang social contract, bagaikan menyediakan fahaman yang manusia mampu memerintah sendiri tanpa kuasa raja. Manusia mampu untuk menyetujui undang-undang untuk kebaikan majority. Maka sudah tentu suatu hari Perancis tidak lagi memerlukan golongan yang berkata, I am The Law. (Aku (kata-kataku) adalah undang-undang!!!)

Lantas aku teringatkan Hobbes, Locke, Kant, dan Proudhon, Bakunin, Godwin dan Kropotkin. Aku teringat romanticisme, anarkisme, dadaisme, ekspressionisme,dan post mordern (dan ntah apa-apa fahaman sakit kepala nak paham), sama sahaja fahaman yang diciptakan dengan konsep pelik-pelik dalam politik dan seni budaya yang cuba nak difahamkan dan tiba-tiba aku rasa mual dan terasa nak buang itu semua ke tong sampah!

Hinggakan Plato sendiri yang terkenal dengan teori bayang dan bentuk, yang bercakap tentang Philosopher Kings yang menyatakan kerajaan perlu diperintah oleh golongan-golongan yang berhak sahaja. Mereka ini sejak kecil dilatih dengan disiplin tertentu. Sistem keluarga tidak penting bagi Plato. Seorang wanita boleh dikongsi oleh lelaki sebanyak mungkin supaya potensi untuk baka-baka terbaik dari golongan lelaki dan perempuan dihasilkan semaksimum mungkin. Golongan cacat dilenyapkan. Kanak-kanak milik negara dan disekolahkan tanpa mengenal ibu-bapa sendiri untuk menolak ikatan nilai - supaya pemimpin-pemimpin tidak dipengaruhi sentimen emosi, kekeluargaan malah apa pun.

Indah dan hebatnya idea itu. Tanpa diketahui ianya adalah satu ekstensi dari ajaran agama yang bergaul rapi dari mithra, zoroastrian dan lain-lainya. Dan yang paling penting, idea Plato tidaklah begitu popular, ianya hanya dipopularkan oleh media-media Illuminati sejak beberapa ratus tahun yang lalu!

.....

KONSEP ANAK TUHAN DAN IBU TUHAN DALAM SEJARAH

Meh aku cerita sikit tentang konsep anak tuhan. Sebenarnya aku cuma nak 'persembahkan' konsep ini, tak kiralah berkaitan atau tak, cuma tengok dia punya konsep dan mungkin kau kan nampak pattern atau coraknya nanti.

Aku nak start karangan ni dengan statement yang pelik sikit. Menurut Wikipedia Encyclopedia, antara panggilan untuk Jesus yang terkenal ialah berdivinity, anak tuhan, tuhan dari tuhan panggilannya ialah Lord (tuan), Penyelamat Dunia, Pembebas atau pemberi kebebasan penebus (maaf, terjemahan sekolah atap, bukan dari DBP). Namun ramai yang tidak tahu yang gelaran tersebut, sebelum datangnya Jesus adalah kesemuanya milik Caeser Augustus (dari Rom lah). Pada tahun 42 BC, Julius Caesar telah dituhankan sebagai 'divus lilius' sebagai Julius berdivinity. (Divine atau divinity mungkin agak benar kalau diterjemahkan sebagai berciri ketuhanan - tak jumpa ayat divine dalam bahasa melayu) Manakala, anak angkatnya pula dipanggil 'divi luli filius' yang bermakud anak kepada Julius yang divine atau 'divi filius' - anak si tuhan. Dan nama ini dicetak ke atas duit syiling dan digunakan bahan propaganda untuk kempen peperangannya. Pada masa yang sama, Roman juga mempunyai dewi ibunya sendiri iaitu Virtus. Tapi apa pulak kaitan Jesus dengan Caeser Rom? Mmmm, mungkin pada agamanya?

Alexander The Great juga memanggil dirinya sebagai demi-god dimana ibunya Olympias mendakwa dirinya dimengandungkan oleh tuhan Zeus ketika dia tidur dibawah pokok oak suci tuhan. Dia telah dinobatkan oleh paderi kepada tuhan Ammon di tempat bernama Wadi Siswah, di gurun Libya. Dia menggelarkan dirinya Anak Kepada Ammon-Zues. Tapi ni takde lah releven sangat dengan topik ni kan? Saja nak tulis.

Dan yang menariknya, golongan Israel sendiri memanggil diri mereka Anak Tuhan. Panggilan anak tuhan itu diguna secara singular atau tunggal di mana perkataan anak di sebut son, bukannya berbilang iaitu sons atau children. Pun tak

suami dia ni. Maka dia melahirkan Horus, anak kepada Osiris dan Isis dan kira macam kawinla pulak dengan Isis dan menjadi tuhan dengan nama Osiris. Si Osiris baru ni adalah tuhan bagi matahari dan bulan, siang dan malam dan anak kepada si tuhan matahari. Maka si Isis adalah dewi alam semestalah. Dia sering digambarakan memegang anak kecil dan kepalanya bercahaya oleh cakera matahari (atau bulan) dan mempunyai tanduk lembu. Mengikut beberapa sumber, dia juga adalah saudara perempuan atau lebih tepatnya, emak kepada Osiris. Kalau kita lihat, konsep tuhan dan anak tuhan yang kemudiannya menjadi tuhan berulang-ulang di dalam sejarah dan keagamaan semenjak beribu tahun. Mungkin ada agama yang boleh kaitkan sekarang. Contohnya Hercules? Ada contoh lain tentang anak dan ibunya?

Lambang satu mata yang mewakili Osiris yang aku cakap tadi tu melambangkan Osiris yang buta satu mata di dalam pertempuran dengan bapa saudaranya Seth. Jika korang perasan tulisan piktograf mesir, banyak memaparkan lambang satu mata yang memberi maksud tuhan Osiris. Kalau nak kenal lagi andaikatalah korang ni pernah terpandang gambar ukiran dan relics mesir purba ni, Osiris ni adalah digambarkan berkulit hijau.

Tapi lambang tuhan mesir purba ni bukannya terdapat di sekitar hias bangunan senireka Mesir purba saja, di dunia barat pun lambang ini kedapatan. Contohnya Isis si emak dan isteri Osiris ni digambarkan sebagai pembawa cahaya, dan kepalanya mengeluarkan sinar. Pernah perasan tak sesuatu imej atau patung yang gambarannya macam ni? Pegang api dan kepala bercahaya? Warna hijau pulak tu.Oooohhhh, ya tak ye, Statue Of Liberty kan? (kan patung tu hadiah dari Perancis?) Begitu juga tiang Obelisk di Washington, iaitu Monumen Washington. Lambangnya memperingati Osiris. Maksudnya, apa ah benda di dalam badan manusia lelaki yang panjang macam tu di antara dua peha?

Cuba lihat lambang yang bercorak pyramid dan satu mata pulak di sekitar kita. Ia terdapat di mana-mana di dalam popular culture terutama di logo syarikat-syarikat besar. Simbol atau allegories ini diketengahkan dengan tujuan tertentu. Tak pernah jumpa? Biar aku bagi contoh: CBS, American On Line, Nickelodeon, Adobe Photoshop, NVDIA, Monster Inc. Bentuk satu atau dua atau tiga pyramid: Caterpilar, Motorola, Adidas Equipment. Lambang matahari: Shell, BP. Lambang bintang atau Pantagram: Converse, Starbucks dan lain-lain lagi yang berlambak kat luar sana. Cuba carl lambang Walt Disney dan cari 666 di dalamnya. Mungkin separuh-separuhnya kebetulan. Cuba terbalikkan lambang Petronas, ada mata dan pyramid lagi. Kebetulan kot?

Apa yang penting, tujuan simbol-simbol tersebut dikatakan ada kena mengena dengan dunia witchcraft atau occult, wadah sihir yang melapangi pertubuhan ini. Pertubuhan ini juga dikatakan kaya dengan mind controlnya, ilmu menguasai minda, hinggakan pada awalnya, banyak kajian-kajian psikologi manusia dilakukan secara langsung atau tidak langsung hanya untuk mengetahui bagaimana minda manusia berfungsi dan bagaimana manusia bertindak terhadap stimuli-stimuli tertentu. Sejarah-sejarah diubah dan diberi perspektif baru untuk menyuap minda manusia ke arah tujuan-tujuan tententu yang diidamkannya.

Namun pelik jugak, kenapa rangkaian Illuminati ni mengadaptasi simbol-simbol mesir purba. Apa kena mengena Osiris dengan ajaran Freemason? Kenapa, kalau orang yang nak jadi Freemason kena menjalani upacara yang pelik. Kena tutup mata, singsing kaki seluar, bukak baju nampak sebelah dada. Kalau korang tahu lambang Freemason, diorang menggunakan alat geometri seperti sesiku L dan jangka lukis? Di tengahnya ada lambang G yang membawa maksud the Great Architect of the Universe. Siapa Architect ni? Dan kenapa geometri adalah sesuatu yang suci dalam budaya falsafah Freemason? Rasanya, korang dah boleh buat spekulasi sendiri. Teruskan bersama kami.

FALSAFAH DAN PERSEPADANAN MANUSIA.

Teringat akan motto MOSSAD (pasukan risikan Israel ala CIA yang canggih), mottonya ialah, dengan cara penipuan, kami akan ciptakan peperangan. Bayangkan, untuk apa MOSSAD ditubuhkan?

Teringat juga perang Vietnam, di mana jutaan menjadi mangsa akibat permainan politik. Bermula dengan Diem dan kemudian satu rejim yang dibentuk terdiri daripada penduduk Vietnam sendiri bermain wayang dengan mengendalikan pejuang Viet Cong yang lemah, difilemkan untuk ditunjukkan kepada tuan Amerika yang mereka boleh mengendalikan Komunisme. Hinggalah pada satu hari ianya tidak terkawal. Bila sami membakar diri, bila penduduk dilarang berada di zon tertentu atau akan dianggap Viet Cong (padahal disanalah tanah bendang nasi mereka-alasan yang tak cukup bagus untuk bom napalm Amerika), maka semua mereka mengangkat senjata dan terjadilah pembunuhan kejam ala My Lai.

Di Era ini juga JFK 'dibunuh', kerana satu sebabnya ingin mencetak duit Amerika untuk orang Amerika dan meminggirkan kepentingan Rothschild, lalu dia di'Abraham Lincoln'kan. Namun satu sebab lagi kerana di zaman Kennedy, US meletakkan satu tekanan untuk Israel menafikan hak mereka untuk memiliki kelengkapan Nuklear. Matinya Kennedy, Israel dapat Nuke!



Pertempuran di Vietnam dan Perang Dingin itu amnya adalah satu rentetan daripada dua falsafah besar dunia, iaitu satu Kapitalis Demokrasi dan Unitari Sosialisme. Sosialisme yang kemudiannya diterjemahkan sebagai Komunis oleh rejim Lenin, Trotsky dan Stalin adalah pada dasarnya kelihatan murni. Satu pandangan di mana sebelum ini dunia tidak pernah sunyi dari konflik yang dicetuskan oleh Yang Berada dan Yang Tidak Berada (The Haves and The Have Nots), lantas (Dialektikal) Materialisme Sejarah ini bagaikan satu sains berubah mengikut



INSIDE YOUR SKIN

Oleh : Raphael Nonsenso d Coma

Bahagian Kedua (terakhir setakat ni)

PENTING NI!!! SEBELUM KORANG BACA PENULISAN DI BAWAH, ADALAH DIINGATKAN BAHAWA ARTIKEL INI BUKANLAH BERNIAT UNTUK MEMUPUK PERASAAN PERKAUMAN ATAU KEBENCIAN KAUM. TAPI INI BERMAKSUD UNTUK MENJELASKAN BAHAWA BETAPA ADA GOLONGAN PENJENAYAH YANG TELAH MEMBENTUK SEJARAH DUNIA DAN MEMPEROLEH FAEDAH DARIPADA PENDERITAAN BERJUTA MANUSIA. JANGAN KERANA ARTIKEL INI, KORANG AKAN MEMBENCI BANGSA YANG DIRUJUK DI BAWAH. KEBANYAKAN MEREKA ADALAH TIDAK TAHU MENAHU DAN TIDAK BERSALAH SEPRTI KORANG DAN AKU JUGAK. BEZAKAN KEBENCIAN TERHADAP KEJAHATAN DAN KEBENCIAN TERHADAP KAUM. RASISME HANYA LAYAK DILETAK DI BAWAH BONTOT!

JUDAISME

.....

Adakah Judaisme itu agama yang korup dan apa yang telah merosakkannya? Di dalam ketiga-tiga agama besar, kita telah didedahkan bahawa ketika Nabi Musa meninggalkan Nabi Harun bersama kaumnya yang lain untuk mengambil 'Undang-undang' dari tuhan, segolongan dari mereka mencairkan barangan emas mereka untuk membina patung anak lembu. Anak lembu tersebut adalah, mengikut sarjana Bible dan Islam adalah Apis Bull, salah satu penjelmaan Osiris, dewa mesir. Siapakah Osiris, Isis dan Horus. Ia adalah satu kumpulan dewa mesir yang diadaptasi dari watak-watak yang lebih tua dari itu.

Sebenarnya bab mengenai Judaisme ini tidak perlu, kerana keterangan dan ulasan di dalam bab-bab yang lain akan bercakap dengan sendirinya mengenai mereka. Tapi masalahnya, hari ni terajin sikit nak menulis, so aku akan ambik sikit ambilan-ambilan dari serata sumber. Tapi, semoleknya, setiap sumber janganlah dipercayai mentah-mentah, lakukan verifikasi, selidik, kalau dah puas hati baru tulis.

Seperti yang korang tau, bahagian awal bible iaitu Taurat dan Dzabur (Torah dan Psalm) adalah diturunkan untuk pengikut kitab perjanjian lama Yahudi. Namun ada satu lagi kumpulan kitab yang digunapakai sebagai tambahan dan menjadi rujukan dan panduan kepada mereka. Kumpulan kitab-kitab ini dipanggil Talmud (dan tidak ketinggalan Zohar)

Talmud ni kitab wahyu ke? Tak, difahamkan yang Talmud adalah satu tradisi oral yang diturunkan kepada Nabi Musa, dan nabi-nabi dan para rabbi yahudi yang lain dan kemudian dibukukan dalam beberapa volume. Apa yang peliknya mengenai buku Talmud ini hingga dituduh diseleweng dan menyeleweng ajaran judaisme itu sendiri. Aku ada pergi cari di beberapa sumber, dan sumber tersebut walaupun agak konsisten, namun mari kita reserve sedikit ruang dari mempercayainya sepenuhnya. Jom tengok, isi kandungannya.

Moed Kattan 17a: Jika seorang Yahudi ingin berbuat Jahat, dia perlu pergi ke bandar yang dia tidak dikenali, dan buatlah jahat di sana.

Sanhedrin 58b. Jika seorang gentile (bukan Yahudi) memukul seorang Yahudi, dia mesti dibunuh.

Sanhedrin 57a . Seorang Yahudi tidak perlu membayar gentile gaji untuk kerjanya.

Sanhedrin 57a . Jika seorang Yahudi membunuh seorang Gentile, tidak akan ada hukum mati, apa yang dicuri oleh seorang Yahudi dari Gentile, dia boleh menyimpannya.

Baba Kamma 113a. Yahudi boleh berbohong untuk melawan Gentile.

Yebamoth 98a. Semua anak Gentile adalah binatang.

Abodah Zarah 22a-22b . Gentiles lebih suka bersetubuh dengan lembu.

Ada banyak lagi sebenarnya, kandungan yang pelik-pelik, seperti menghalalkan bersetubuh dengan budak yang sangat kecil, halalkan perang dan kebanyakan berbau sangat perkauman. Kalau nak, gi carik sendiri, Aku tak bohong, siap bagi nombor dan bab surah lagi.

Tapi sebenarnya, yang tak bestnya, benda yang aku jumpa ni mula-mulanya dapat dari web neo-nazi yang diketahui anti Yahudi. Namun, bila dicarik kat web-web lain, benda ni agak konsisten dan isi kandungannya sama. Namun ada jugak mamat Yahudi lain yang menyatakan kandungannya adalah salah dan menyimpang. So aku tak nak cakap menda ni betul atau tak, kalau nak dapat kepastian, sekali lagi,pegilah carik sendiri.

tempat tu pot mereka dengan membawa bahasa dan adat mereka. Tempat tu sekarang bernama England, dan England bermaksud, The land Of The Angels!)

Walaupun dinasti Merovingian telah terbubar berabad lamanya, rahsia turun temurun tersebut telah diturunkan dari generasi ke generasi dan dipegang oleh pertubuhan rahsia hingga ke hari ini. Dan rahsia ini juga memegang satu wasiat penting, iaitu tuntutan golongan mereka terhadap Israel dan bangsa Yahudi, iaitu jika Jesus memegang pangkat King of Jews atau raja Yahudi (Jesus keterunan Daud, Daud adalah King of Hebrew, so it explains), maka Israel dan Yahudi seluruhnya bernaung di bawah mereka, kerana mereka mempunyai Legitimasi ke atas tuntutan tersebut. Buku itu juga menyatakan yang pertubuhan rahsia ini bertitik tolak dan diwarisi dari kumpulan Priori of Scion dan juga kumpulan Ksatria Templar yang lenyap pada abad ke 14 masihi!

Walaubagaimanapun, ianya tidak lebih dari sekadar teori, sekali lagi ia hanyalah TEORI (yang pada hemat aku dipopukarkan dengan tujuan tertentu.) namun, teori tak teori, ia mampu menggegarkan dunia Kristian sedunia, apatah lagi teori ini dipopularkan oleh novel fiksyen oleh Dan Brown, yang kemudian difilemkan yang berjudul, Da Vinci Code.

Banyak asas-asas penting yang dikemukakan oleh kedua-dua buku. Antara yang penting, di dalam Holy Blood, Holy Grail, telah dibuktikan secara bersungguh-sungguh, lengkap dengan fakta mengenai kemanusian Jesus. Sebenarnya, terlalu banyak fakta-fakta di dalam buku tersebut yang sangat mengujakan dan terbukti kebenarannya. Yang sedihnya, rumusan akhir atau conclusion buku tersebut (secara peribadi) menyimpang jauh dan agak mengecewakan. Benarkah Ksatria Templar adalah pejuang suci golongan Kristian? Apa pula kaitan dengan penemuan patung-patung syaitan Baphomet yang dirampas dari ahli-ahli Templars. Dan dari sumber-sumber yang yang dipercayai, adanya hubungan kuat di antara Templars dan Freemason moden. Di dalam popular culture, filem National Treasure yang menggambarkan kononnya Freemasons moden adalah pemegang kepada harta karun Templars. Sejarah juga mencatatkan orang yang merayakan pembalasan dendam Jacques de Molay pada revolusi yang dimulakan oleh Illuminati. Maka apakah pula rasionalnya Albert Pike secara terang-terangan mewakili Scottish Rite memuji Lucifer. Apakah deduksi yang boleh korang dapat dari kenyataan di atas.

Aku tinggalkan korang untuk menjawabnya. Pada masa yang sama, ada kencenderungan juga untuk melihat adakah dan apakah kaitan di antara ajaran Talmud dan satanisme. Mungkin kaitannya pada ajaran Kaballah? Apa pula kaitannya dengan Kristianiti? Terungkaikah soalan ini? Sama- sama kita nantikan.

.....

MITOLOGI MESIR PURBA

Sementara itu, apa kaitan golongan Illuminati dengan mitodology Mesir? Hmmmm. Ingat tak yang aku cakap diawalnya bahawa hampir semua president Amerika (dari parti Democrat maupun Republican) adalah pendokong Illuminati. Kalau korang rajin ke internet silalah ke Youtube, dan cari footage rahsia dari seorang mamat yang menunjukkan ketua-ketua utama dunia berkumpul di sebuah tempat kat US mengelilingi sekitar sebuah patung besar yang berbentuk burung hantu di tempat yang bernama Bohemian Groove. Tak silap nama mamat tu Alex Jones. Aku tak layan sangat teori mamat ni, tapi yang penting footage rahsia yang dirakam ngan kamera. Untuk rekod, mamat ni pun kena masuk jel pasal tu kalau tak silap.

Burung hantu tersebut adalah lambang untuk Bohemian club, salah satu cabang Illuminati. Korang akan jumpa banyak lambang burung hantu ni jika korang buat research sikit pasal Illuminati. Bercakap pasal US, pulak, Bush bersaudara (Jeb, George sr & jr.) adalah bonesmen atau lebih tepat lagi dari pertubuhan Skull n Bones, satu cabang Illuminati yang biasanya merekrut siswazah lelaki Universiti Yale. Malah orang penting ketika pertubuhan CIA adalah seorang Bonesman dari Yale.

Bercerita tentang CIA pulak, orang penting untuk badan perisikan inteligen ni dulu adalah Alaister Crowley, seorang satanis terkenal sehingga namanya diabadikan dalam lagu yang dinyanyikan Ozzy Osbourne, Black Sabbath. (kalau dulu korang pernah dengar tentang lagu rock yang diterbalikkan akan berbunyi pujaan setan dan mesej pembunuhan, percayalah ia benar. Aku dah dengar dah! Led Zep, Yardbirds, (dan mungkin Pink Floyd), geng dia la tu) Malah gitaris Led Zep adalah orang yang gila-gila kagum kat Crowley, sampai dia beli rumah agam Crowley kat Loch Ness dan buat ritual Satanism dia ngan sexual orgies (sex magick) Banyak yang nak diceritakan, mungkin di hadapan.

Apa yang diorang buat kat patung burung tu ah? Buat human sacrifice? Siapa burung hantu tu ah? Ni yang menarik ni. Menantang tu adalah dewa Moloch, atau Molech. Gila tak gila lah, dekat Washington, ada satu jalan yang dibentuk, kalau tengok dari atas berbentuk burung hantu. Gila tak? Kalau kau tengok kat penjuru greenback 1 dollar Amerika (duit kertas daaa...), korang akan jumpa imej burung hantu Moloch gak. Kecik je imejnya. Imej yang besar pulak adalah mata sebijik kat kat pyramid. Kalau kau sambung imej di sekeliling mata tu, akan dapat garisan berbentuk Hexagram, bintang enam bucu. Lambang Rothschild tadi.

Mata tu pulak mewakili, All Seing Eye, iaitu mata Osiris. Osiris ni adalah dewa Mesir Purba dan suami kepada Isis. Osiris kira tuhanlah senang cerita. Isis ni pulak adalah dewi atau tuhan perempuan bagi dunia sihir dan bercirikan alam maya. Bila Osiris yang disimbolkan sebagai matahari, dan pemerintah dunia bawahan mati dan berpecah belah badannya, Isis si dara dunia (virgin of the world) menggunakan sihirnya untuk mengembalikan

dalam konsistensi penceritaan.

Terdapat pendapat-pendapat menarik yang lain mengenai cerita seputar, namun untuk menceritakannya akan memakan muka surat yang banyak dan akan menyimpang dari tajuk asal tulisan ini.

Adapun kaitannya Kristianiti dengan tajuk asal perbincangan agak rapat kaitannya. Jika korang meneruskan bacaan, korang akan bersetuju akan betapa rapatnya kaitannya. Tapi aku tak nak ia dibincangkan sekali gus di sini. Apa yang aku boleh cakap, semakin korang baca, semakin korang mengerti kaitannya.

Namun kalau nak bincangkan, biarlah kita tengok kaitannya secara perlahan-lahan. Pertama, yang mungkin boleh dikaitkan ialah penggunaan simbol salib itu sendiri. Walaupun umum mengetahui bahawa simbol tersebut merujuk kepada penyaliban Jesus, namun simbol salib telah digunakan lebih awal dari Kristianiti itu sendiri. Contohnya adalah Maltese Cross, yang banyak terdapat di lambang-lambang (shield) kerajaan dan di tengkuk askar-askar Jerman pada perang dunia kedua. Ianya digunakan lebih awal oleh golongan pagan contohnya sebagai simbol penting Celtic dan yang menariknya, ia digunakan oleh pengamal okultis, sihir dan penyembah syaitan. Malahan Constantine pernah memakai huruf roman X yang bermaksud Kristus, dan mungkin dari situ penggunaanya dimeluaskan. Dan yang nyatanya, lambang Maltese Cross merah dipakai di dada putih askar-askar Ksatria Templars (Yang sekarang dalam versi baru, bendera palang merah putih, digelar bendera St. George, bendera England. Adakah itu diambik dari tu atau tidak, aku tak tau) Yang nyatanya telah dibuktikan tadi yang golongan Templars adalah penyembah Baphomet, penyembah syaitan!

Ianya mungkin satu kebetulan dan satu persamaan lambang dan tidak ada kena mengena langsung. Tetapi jika difikirkan balik, Jurusalam ketika itu di bawah Pilate dan di bawah jajahan Rom. Dan kelihatan beberapa persamaan antara Kristianiti dengan kepercayaan pagan Rom ketika itu dan antara yang paling menonjol ialah konsep anak tuhan. Adakah ia satu asimilasi kepercayaan atau tidak, ia takkan dibincangkan di sini dan aku tak layak untuk memutuskannya, namun yang akan dihidangkan di sini adalah persamaannya, tidak lebih dari itu. Kalau korang nak buat rumusan sendiri, tu korang punya pasal! Tapi sebaiknya kalau korang baca habis dari apa yang tertulis seterusnya, terutama bab KONSEP ANAK DAN IBU TUHAN DALAM SEJARAH yang terdapat dalam bab-bab seterusnya, korang boleh membuat rumusan dari perspektif yang lebih terang. Nanti akan terjawab apahalnya aku masukkan Kristianiti di dalam aritikel ni, nak tau? Teruskan baceeeeeee.....!

.....

DINASTI GRAIL/ DUNIA ROMANTIK GRAIL

Pernah tengok Indiana Jones The Last Crusade? Kalau korang ingat, dekat nak abis cerita tu, bila bapak Indy (sean Connery) setelah minum air dari 'holy grail' dan berjaya keluar dari kuil tu, Indy pun tanya bapak dia, apa yang bapak dia dapat dari pengembaraan ni? Bapak dia jawab, 'Illumination'. Entah apalah maksudnya dan apakah yang dirujuk bila dia kata Illumination tu. Yang nyatanya, Hollywood sendiri adalah satu tempat di mana kuasa Illuminati berada di segenap penjuru, dan Hollywood juga, sebagai pewakil popular culture bukan sahaja mempersembahkan juadah hiburan yang boleh merubah mindset atau pembentukan minda, malah, mereka juga, melalui rancangan-rancangan dan filem-filem memaparkan simbol-simbol yang berkait rapat dengan falsafah Illuminati. Kalau ada kesempatan, ianya akan dibincangkan di sini.

Holy Grail, cangkir yang diceduk air dan diberi minum kepada bapanya yang tenat, yang kononnya dapat memberikan kehidupan abadi menurut mereka (baca: filem tersebut) adalah cangkir atau bekas yang digunakan Jesus (yang dirujuk sebagai tuhan oleh penganut kristianiti) ketika makan malam terakhir Jesus dan pengikutnya. Cangkir itu juga digunakan untuk menadah darah Jesus ketika pengsaliban.(mengikut kepercayaan popular sesetengah penganut Kristian) Menurut filem itu juga, penjaga kepada cangkir tersebut adalah salah seorang ahli terawal kepada Ksatria Templar yang masih hidup (walaupun berusia beribu tahun) menjaga cangkir tersebut. Ia mengorbankan dirinya mengabdikan hidupnya menjaga Holy Grail. Lantas, dengan kepercayaan yang golongan Templar adalah pejuang agama Kristian, Templar diberi penghormatan atau tempat tertinggi di dalam dunia Kristianiti walaupun hakikatnya mungkin berbeza.

Pada tahun 70an, sebuah buku telah diterbitkan menyusuli dokumentari dari BBC oleh Henry Lincoln mengenai satu teori yang menjadi kontroversi hebat di dalam dunia Kristian. Buku itu, Holy Blood, Holy Grail mengemukakan teori bahawa Holy Grail tersebut bukanlah bekas cangkir fizikal, sebaliknya sebagai perlambangan kepada rahim seorang perempuan bernama Mary Magdalene. Mary Magdalene mengikut kepercayaan popular Kristian adalah seorang perempuan lacur yang akhirnya menjadi pengikut Jesus. Namun di dalam buku tersebut, nama Mary sengaja dibusukkan untuk melindungi satu rahsia, iaitu, beliau adalah isteri Jesus. Lantas ia memberi satu pendapat terhadap kemanusian Jesus.

Seterusnya, sejurus penyaliban Jesus, Mary dilarikan ke Eropah bersama kandungannya iaitu zuriat kepada Jesus. Dan seterusnya teori itu mencadangkan (setelah kajian yang amat mendalam dilakukan ke atas pertubuhan rahsia dan dokumen-dokumen mereka) keturunan Jesus tadi,selepas itu turun ke atas golongan raja Eropah di zaman dinasti Franks, iaitu keturunan raja yang digelar Merovingian yang mendiami sebahagian besar tanah Eropah terutama yang kininya adalah Perancis Moden. (Nota- Scambrian Franks adalah bangsa yang berperang di Greece, dan seterusnya golongan Scambrian Franks adalah golongan yang membapai bangsa Perancis dan Jerman moden. Beberapa puak Germania pulak yang dipanggil 'Angels', Saxons dan Jutes pergi mengembaralah kat satu kepulauan ni dan jadikan

Seterusnya, Judaism dikatakan telah lama diselewengkan oleh ajaran Kabbalah. Amenda Kabbalah ni? Well, Kabbalah ni adalah satu interpretasi untuk Bible dan Judaisme, interpretasi misteri yang berkait rapat dengan witchcraft dan occult, (upacara sihir) dan dalam sesetengah pandangan adalah satu polar yang amat bertentangan dengan ajaran Judaisme yang sebenar. Untuk, menerangkan Kabbalah, kita akan bincangkan ia di bab yang akan datang jika ada kesempatan. Mungkin aku boleh tambah, Kabbalah ni menjadi semakin popular sekarang, terutama apabila dianuti oleh golongan selebriti Hoolywood. Antara penganutnya adalah Britney Spears, Cik Chrsitina Agualera dan mak cik Madonna kita!

Anders Hultgard, Joseph Kitagawa, Shaked, David Winston dan Mary Boyce adalah orang yang membuktikan pengaruh Zoroastrian dalam Judaisme, namun kata mereka, bukannya di dalam Bible, namun di dalam Kabbalah yang ajarannya ada pertembungan dengan Chaldean Magi purba. Diingatkan kembali, Kabbalah adalah interpretasi misteri bagi Judaisme dan Bible.

Mengikut seorang mamat yang bernama Prof. Wurthwein, sebelum Perjanjian Lama terbentuk, ianya tidak dianggap tidak boleh 'diperbaiki'. Maka, kita boleh carik ada yang mempunyai niat tertentu membuat perubahan yang sengaja dan berniat tertentu di sana. Maka, walaupun Bible penuh dengan liputan sejarah di dalamnya, banyak cerita yang pelik, enigmatik dan agak berbunyi menghina telah ditulis untuk menutup maksud Kabbalah, iaitu di dalam Apocrypha dan Pseudepigrapha yang di kumpul di zaman Kuil Kedua, begitu juga teks Kabbalah di zaman pertengahan. (Rujukan ini dirembat dari beberapa buku dengan kecanggihan penterjemahan sekolah atap oleh aku)



Seperti yang telah dibincangkan, Negeri Israel telah diserang oleh Assyria dan kemudiannya pula Sennacherib, raja dari Assyria ini pun menawan juga negeri sebelahnya, iaitu negeri Judah, namun Jurusalam tidak disentuh. Akan tetapi pada 589 b.c. raja Babylon, Nebuchadnezzar telah menawan kotanya, memusnahkan kuilnya dan merampas isinya dan kebanyakan dari penduduknya melainkan yang sangat lemah dan miskin dibawa ke pembuangan di Babylon. Yang terlepas melarikan diri bersama Jeremiah ke mesir.

Pada 538 b.c, Cyrus telah membebaskan yahudi dari tawanan di Babylon. Diorang pun telah kembali ke Jurusalam dan membina kembali kuilnya. Ini dipanggil zaman Kuil Kedua. Dan Bible (baca perjanjian lama) telah dikumpul kembali dalam bentuk tulisan dan menyelitkan sejumlah pengaruh doktrin Zoroastrian.

Duchesne-Guillemin, Gnoli, Hinnels

.....

CATHOLICISM & KRISTIANITI.

Maaf, tajuk ini ditulis bukanlah untuk menyinggung penganut Kristian tetapi ditulis mengikut apa yang tertulis di buku-buku dan internet oleh penulis-penulis yang kebanyakannya 'bukan Islam' dan juga termasuk Paderi Kristian Katolik yang memeluk Islam sendiri. Maka korang tak perlu untuk mempercayainya dan aku sendiri tak semestinya mempercayainya, ini cuma mempersembahkan rumusan dari isi idea dari liteasi-literasi yang telah ditemui melalui pembacaan dan dari sumber-sumber yang lain.

Sebenarnya tidak ramai penganut Kristian di barat yang mengetahui bahawa Islam menganggap bahawa Nabi Isa (dikenali sebagai Jesus oleh penganut kristian atau Yahushua oleh penganut Yahudi) sebagai rasul penting di dalam tradisi agama Islam. Ini diakui sendiri oleh seorang pastor protestant Amerika yang kini bernama Yusof Estes, tokoh yang kini gigih mengembangkan Islam di Amerika. (Malah dia pernah dijemput oleh pihak gereja untuk membuat ucapan lantas beberapa orang hadir kemudiannya memeluk Islam; termasuk anak pompuan Minister gereja itu sendiri.)

Ketika seorang rakan niaga Islam dari Mesir yang bernama Muhammad memberitahu Yusof (yang mempunyai perniagaan

pembekalan alat muzik) tentang hal taraf Jesus dalam Islam, dia menyangka yang beliau berbohong. Pada pandangannya, Muslim adalah hanya penganut yang menyembah batu / kotak besar Kaabah dan Islam adalah agama pagan yang tiada kaitan dengan agama samawi. Maka boleh dirumuskan, sikap barat terhadap Islam, salah satu sebabnya adalah mereka begitu hostile atau mempunyai tanggapan yang agak buruk tentang Islam kerana kedaifan pengetahuan mereka tentang Islam. Senang cerita, bagi barat tidak lebih hanyalah berimej seperti Osama atau Sheikh Arab, hasil kejuruteraan minda oleh media Amerika.

Ingin jugak aku nak menempel kat sini mengenai betapa, geng Illuminati telah menerobos ke seluruh sistem kepercayaan, atau agama dan bercakap tentang agama samawi, Islam juga tidak terkecuali. Berat hati ini untuk berkata bahawa kemungkinan besar bahawa mazhab Wahabi dan Salafi adalah terdedah dengan korupsi Illuminati. Termasuk juga Ismaili dan Sabian yang agak obvious penyelewengannya. Kalau ko blajar sejarah tentang penglibatan British, Lawrence of Arabia contohnya, kau mungkin akan nampak lebih jelas.

Berbalik tentang Kristianiti. Ingin aku nyatakan, pemerhatian saya dan pergaulan aku dengan segelintir penganut Kristian dari Katolik atau Protestan, mereka adalah golongan yang baik dan seseparuh mereka sangat taat pada agama, dan mereka sangat terancang dalam banyak aktiviti terutamanya aktiviti dakwah.

Berbalik kepada Kristianiti, secara ringkasnya, formulasi trinity yang diguna pakai hampir semua cabang kristianiti itu, adalah agak baru dan dicapai ketika kemerosotan politik Rom timur atau Byzantum. Perpecahan berlaku di mana-mana mengakibatkan Constantine, pemimpin Rom Timur ketika itu memutuskan untuk menyatupadukan kembali daerah naungannya, dan penyelesaiannya ialah dengan merumuskan satu cara bagaimana agama "Kristian' yang berpecah belah ketika itu untuk diseragamkan.

Maka wadah penyeragamannya itu diputuskan dalam satu perjumpaan yang dikenali sebagai Council Of Nicaea. Di perjumpaan itu, semua kepala-kepala agama berkumpul untuk menentukan taraf Jesus iaitu adakah dia manusia (nabi), tuhan, atau separuh tuhan (percampuran antara tuhan dan manusia dan meng hasilkan anak- demi-god).

Ketika itu Constantine yang beragama Pagan, dikatakan dikelilingi beberapa ahli keluarga dekatnya yang beragama nasrani dari mazhab yang tidak menyokong ketuhanan Jesus. Namun, pengundian telah dijalankan dan pada masa yang sama, tersebut juga di dalam beberapa sumber yang menyatakan adanya konspirasi dari beberapa pihak yang telah memilih untuk berada di kem yang tertentu. Maka akhirnya, golongan yang menyokong ketuhanan Jesus (yang akhirnya menjadi Triniti) telah menyaksikan yang pengundiaan berpihak ke arah mereka. Lantas Constantine pun 'mendapat agama penyatuannya',

Maka diperintahkan seluruh gereja di bawah jajahannya untuk mengadaptasi Kristianiti versi ini dan, fahaman selain dari fahaman yang disetujui telah diharamkan dan kitab-kitab dari mazhab lain berlainan tersebut dimusnahkan. Antara mazhab lain yang dinyatakan tadi adalah golongan pengikut Arius of Alexandria. Mengikut sesetengah pendapat, Arius berfahaman bahawa Jesus itu tidak wujud dari awal dan diciptakan, lantas ia menyerupai makhluk. Fahamannya digelar Kristianiti Arianisme. Akibat perintah tersebut Arius telah membuang dirinya keluar dari jajahan Rom. Ada juga pendapat tentang kedapatan fahaman-fahaman yang lain yang menyerupai pandangan Islam iaitu Jesus hanyalah seorang nabi.

Dan akhirnya satu bentuk agama yang seragam telah terbentuk dan penyebarannya telah dikuatkuasakan ke semua gereja jajahannya. Diberitakan yang Constantine akhirnya berkecenderungan untuk bersetuju kepada versi yang lain namun semuanya telah terlambat. Apa yang menariknya, Constantine sendiri bukanlah seorang Kristian. Malah ada yang mengatakan dia langsung tidak menganut agama itu. Constantine kekal sebagai penganut agama Pagan hinggalah dia dibaptis di ranjang sakit sebelum menghembuskan nafas terakhir. Bayangkan sebuah agama yang dirumus oleh seorang yang bukan penganutnya!

Sepanjang perjalanan sejarah, terdapat beberapa cabang Kristian yang wujud secara tersembunyi namun pupus dimakan masa kerana jumlah pengikutnya dan kerahsiaannya menghalang ia untuk berkembang. Jarang diketahui umum bahawa Crusade (perang salib) pertama oleh gereja Kristian bukanlah menentang Islam namun menghapuskan satu cabang Kristian di Languedoc, Perancis iaitu sebuah fahaman yang dikenali sebagai Catharisme yang dianggap sesat (juga mengakui kemanusian Jesus namun lebih menyerupai gnostic). Selain itu, tiada cabang besar yang wujud hinggalah Calvinisme bermula di Jerman.

Sungguhpun begitu, terdapat pelbagai mazhab Kristian yang wujud hari ini seperti fahaman Mormon dan Jehovah Witnesses dan pelbagai lagi. Namun ada sebuah komuniti kecil Yahudi Kristian yang wujud sejak sekelian lama mengamalkan agama Yahudi pada masa sama mengakui kemanusiaan Jesus dan bukan ketuhanannya. Agama itu dinamakan Ebionites dan teras agama tersebut adalah menerima kenabian Jesus, dengan kata lain, konsisten dengan ajaran dan kefahaman Islam iaitu menerima kenabian Jesus al-Masih.

Mengimbau kedua agama besar yang mempercayai Jesus ini adalah masalah kenabian dan Trinity, iaitu kesatuan tuhan bapa, Jesus dan Ruhul Kudus yang dikenali sebagai holy spirit. Di dalam akidah Islam, Ruhul Kudus itu dirujuk kepada nama malaikat Jibril (Gabriel) seperti yang difirmankan di dalam al Quran. Selain itu, yang menariknya, kedua-dua agama percaya terhadap tradisi agama ini diwarisi dari agama Judaism atau agama yahudi dan menyetujui kebenaran nabi-nabi terdahulu seperti Adam, Ibrahim, Nuh dan Daud (Adam,Abraham, Noah and David),dan juga nabi-nabi lainnya.

Jika diimbas, Islam lebih rapat persamaannya dengan agama yahudi berbanding agama Kristian. Seperti wujudnya halal dan haram dan pengkhususannya dalam makanan, Yahudi mempunyai konsep kosher dan kosher food. Kedua-dua agama bersetuju tentang pembalasan Qisas, (mata untuk mata, dan gigi untuk gigi) tetapi di dalam agama Kristian 'Jika ada orang menampar pipi kananmu, hulurkan pipi kirimu' (pacifisme yang tidak terakur di dalam dunia agresif barat). Tambahan lagi, kedua agama juga percayakan persunatan (circumsition) manakala Kristian menganggap yang persunatan ini hanyalah persunatan di hati dan juga pengharaman-pengharaman lainnya juga dianggap begitu.

Kebanyakan perpisahan hukum dan undang-undang Kristian ini berbanding agama Yahudi adalah dipelopori oleh Saint Paul (atau nama Yahudinya Saul) yang mendakwa dalam perjalanan Ke Damascus, dia menjadi buta dan satu suara telah menegurnya iaitu suara Jesus dan suara itu memerintahkannya supaya menjadi nabi kepada Ketuhanan Jesus. Dan ajaran Paul telah menjadi teras penting kepada Kristianiti moden dan tulisannya juga berada dengan selesanya di dalam kitab Perjanjian Baru (New Testament) bersama Mark, Luke, Mathew dan John.

Bercakap tentang Injil (perjanjian baru), adalah sesuatu yang menarik bahawa tiadanya manuskrip atau sumber Injil di dalam bahasa asalnya iaitu Aramaic (bahasa yahudi yang dipertuturkan pada era Jesus). Keseluruhan Injil yang teredar di dunia sekarang bersumberkan bahasa Greek (Yunani) dan Latin. Tidak dapat dinafikan bahawa sepanjang tempoh itu, dengan sumber perdananya di dalam bahasa lain, akan ada percanggahan maksud di dalam proses peralihan bahasa. (lost in translation). Bukan itu sahaja, Lihat Injil baru contohnya seperti versi King James, ianya telah mengalami pengolahan berkali-kali hinggakan setelah beberapa revisi, maksud di dalam Bahasa Inggeris pun telah bercanggah dengan maksudnya di versi terdahulu.

Dunia Kristian telah menolak kesahan kitab Barnabas yand ditemui dan umum mengetahui tentang Skrol Laut Mati. Umum juga perlu tahu yang telah ditemui satu manuskrip lama di Mesir di mana ia dijumpai oleh seorang petani pada tahun 40an. Petani itu telah menjumpai sebuah tembikar yang di dalamnya terkandung helaian papirus yang berisi scripture Kristian lama tertanam di sebuah padang hampir dengan kediamannya. Kitab itu dipanggil kitab Nag Hammadi, bersempena dengan tempat penemuan kitab tersebut. Juga terdapat sebuah muzium dengan nama yang sama menempat kan manuskrip asal.

Yang menyedihkan adalah ketika penemuan Manuskrip itu, petani na易 tersebut yang tidak menyedari nilai penemuannya, dia telah menggunakan sebahagian helaian manuskrip tersebut sebagai umpan api. Sebahagiannya pula diseludup keluar dari Mesir dan dibeli kembali dari pasaran gelap. Akhirnya yang terdapat di muzium sekarang hanyalah sebahagian sisa-sisa dari jumlah asalnya manuskrip tersebut. Kajian yang mendalam telah dilakukan terhadap ketulenannya dan didapati tanpa ragu-ragu ia adalah manuskrip Injil yang sebenar. Ia adalah salinan kepada salinan asal yang jauh lebih tua darinya, iaitu tidak lebih dari tahun 150 A.D. Ia mengandungi antaranya Gospel atau Injil Thomas, Injil Kebenaran, Injil Mary, dan seseparuh dari Injil ini telah disebut kewujudannya oleh bapa-bapa injil yang paling awal. ,Injil-injil ini adalah dokumen terawal Kristian di mana ia ditulis untuk penduduk mesir lantas menyelamatkannya dari tapisan Rom. Pada waktu itu, ia adalah satu tradisi di mana kitab ditanam di sebuah tempat rahsia dan kandungannya dihafal. Setelah beberapa waktu yang disetujui, kitab tersebut akan digali dan dinilai adakah perubahan antara penghafalan isi kitab dengan sumber asalnya. Ini boleh dibanding dengan pengekalan isi Al Quran pada awalnya tidak dibuat dalam bentuk tulisan tetapi dalam bentuk hafalan. Walaupun ayat-ayat itu dicatit di kulit kayu dan kulit binatang, namun ia tidak pernah dikumpul dalam bentuk buku atau kitab walaupun dalam seawal ayat kedua al Baqarah, perkataan kitab telah disebut. Namun pengumpulan kitab hanya dibuat setelah kewafatan Nabi Muhammad dan hanya diseragamkan sepenuh nya ketika kalifah ketiga Islam iaitu Khalifah Uthman.

Walaupun kehilangan sebahagian besar jumlahnya, namun baki dari kitab tadi masih lagi bermaklumat dan mengandungi kontroversi yang terhebat di mana terdapat cebisan yang tidak lengkap yang mencadangkan bahawa Jesus telah mencium Mary Magdalene di bibir yang membawa maksud yang mereka itu telah berkahwin (kesahan sumber tidak diyakini sepenuhnya). Namun yang paling penting adalah di bahagian di mana peristiwa pengsaliban diceritakan. Ada satu bahagian di mana jika di terjemahkan Jesus berkata,

"Aku tidak terjerumus pada rancangan yang mereka rancangkan....dan aku tidak mati secara kenyataannya sebaliknya pada penglihatan (sahaja). Kerana kematianku yang mereka fikir berlaku kepada mereka adalah dalam kesalahan dan kebutaan mereka, kerana mereka telah pakukan orang mereka hingga mati...ia adalah orang lain, bapa mereka, yang meminum air kulatan dan cuka, bukannya aku. Mereka memukul aku dengan alat siksaan (atau tumbuhan tepi air seperti lalang), Ia adalah yang lain, si Simon, yang membawa salib di bahunya. Ia adalah yang lain yang ke atasnya (kepalanya) di letak mahkota berduri...dan aku ketawa terhadap kejahilan mereka" (Jesus tidak mati sebaliknya konsisten dengan riwayat al Quran. Terjemahan sendiri dan sumber adalah sahih)

Satu perbezaan ketara juga adalah kitab itu ditulis mencatatkan pertuturan orang pertama (Jesus sendiri), bukan diceritakan pihak ketiga seperti Luke, Mark, Mathew dan John (kitab terakhir diterima gereja diantara empat kitab tersebut). Bukan itu sahaja, kitab-kitab tersebut juga mempunyai percanggahan di